

*BAB 2*

*IJTIHAD JAMATI*

## Pendahuluan

Di dalam bab yang lalu, penulis telah menyebut secara ringkas mengenai pembahagian ijihad. Salah satu daripada pembahagian tersebut ialah pembahagian ijihad dari sudut pelaku yang mempunyai dua kategori iaitu ijihad secara individu dan ijihad secara kolektif atau *jamā'ī*. Dalam bab ini, penulis akan memfokuskan kepada ijihad *jamā'ī* kerana ianya merupakan suatu cara yang terbaik dalam menghasilkan keputusan yang tepat dan banyak diamalkan sekarang melalui institusi-institusi fatwa di peringkat antarabangsa maupun di peringkat nasional.

### 2.1 Konsep Ijihad *Jamā'ī*

Bagi memahami konsep ijihad *jamā'ī*, perlulah diperhatikan dua perkara yang berkaitan dengannya, yang akan memberi suatu idea yang menyeluruh tentangnya, iaitu :

- i- Definisi ijihad *jamā'ī*
- ii- Syura sebagai asas ijihad *jamā'ī*

Dengan melihat secara umum kepada karya-karya *fuqahā'* terdahulu, tidak terdapat definisi ijihad *jamā'ī* yang dikeluarkan oleh mereka. Definisi tersebut hanya dapat diperhatikan di dalam tulisan-tulisan *fuqahā'* masa kini. Antaranya apa yang disebut oleh Wahbah al-Zuhaylī yang mendefinisikannya sebagai ijihad yang dikeluarkan oleh sekumpulan besar mujtahid (bukannya kesemua mereka). Ia menyamai apa yang disebut sebagai persepakatan kebanyakan mujtahid pada masalah tertentu.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1997), *al-Ijtihād al-Fiqhī al-Ijadīthī*, Damsyik : Dār al-Maktabī, h. 30.

Definisi ini hampir sama dengan definisi yang dikeluarkan oleh 'Abd al-Nāṣir Tawfiq al-'Atār<sup>2</sup> di mana beliau menyebut ijтиhad *jamā'ī* ialah persepakatan kebanyakan mujtahid dalam penetapan hukum syarak selepas mereka mengorbankan sepenuh kemampuan mereka bagi mengeluarkan hukum daripada dalil-dalilnya.<sup>3</sup>

Berlainan pula dengan sebahagian *fūqahā'* lain di mana mereka mendefinisikan ijтиhad *jamā'ī* sebagai persepakatan lebih daripada seorang *faqīh* atau pengkaji yang mengkhususkan pengajian mereka dalam bidang *fiqh* sekalipun mereka tidak mencapai taraf mujtahid, selepas mereka mengorbankan sepenuh kemampuan mereka bagi mengeluarkan hukum daripada dalil-dalilnya, sama ada dengan kerjasama daripada pakar-pakar yang berkaitan ataupun tidak.<sup>4</sup> Berdasarkan definisi ini, ijтиhad *jamā'ī* boleh berlaku walaupun melalui persepakatan sekumpulan kecil mujtahid. Ini bertentangan dengan definsi-definisi di atas yang mensyaratkan berlakunya ijтиhad *jamā'ī* melalui persepakatan kebanyakan mereka.

Berlainan pula dengan 'Alī Ḥasab Allāh yang mendefinisikan ijтиhad *jamā'ī* sebagai setiap ijтиhad yang dipersepakati oleh para mujtahid di dalam sesuatu perkara.<sup>5</sup> Definisi ini dilihat tidak membezakan di antara ijтиhad *jamā'ī* dengan

<sup>2</sup> Beliau ialah Ketua Jabatan Pengajaran Asas, Kuliyyah Syariah Dan Kanun di Universiti Emiriyah Arab Bersatu. Lihat Majalah *Maṇār al-Islām* (1997), bil. 11, Kaherah : Mu'assasah al-Ahrām, h. 43.

<sup>3</sup> 'Abd al-Nāṣir Tawfiq al-'Atār (1997), *al-Ta'rīf Bi al-Ijtihād al-Jamā'ī*, dalam Majalah *Maṇār al-Islām*, bil. 11, Kaherah : Mu'assasah al-Ahrām, h. 45.

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> 'Alī Ḥasab Allāh (1976), *Uṣūl al-Tasyīrī* *al-Islāmī*, c. 5, Kaherah : Dār al-Ma'ārif, h. 108-109; Muhammad al-Dasūqī (1987), *al-Ijtihād wa al-Taqlīd*, Doha : Dār al-Thaqāfah, h. 30.

dipilih sebagai definisi ijтиhad *jamā'ī* bagi tulisan ini kerana ia dilihat lebih jelas dan menyeluruh maksudnya. Hal ini disebabkan beliau menyebut di dalam definisi tersebut beberapa ungkapan penting yang dapat menggambarkan konsep ijтиhad *jamā'ī* dengan lebih tepat lagi.

Ungkapan ‘**curahan sepenuh kemampuan**’ menjelaskan bahawa ijтиhad *jamā'ī* akan berlaku hanya melalui suatu usaha yang bersungguh-sungguh di kalangan *fuqahā'* dalam menghasilkan keputusan syarak. Ungkapan ini dilihat harus dinyatakan bagi menjelaskan perbezaannya dengan keputusan-keputusan yang dihasilkan bukan melalui ijтиhad seperti melalui nukilan daripada teks walaupun ia berlaku melalui suatu permesyuaratan *fuqahā'*. Oleh sebab itu definisi yang kelima dilihat kurang jelas maksudnya kerana ungkapan ini tidak dinyatakan.

Ungkapan ‘**kebanyakan *fuqahā'*** pula menjelaskan bahawa ijтиhad *jamā'ī* hanya berlaku daripada sekumpulan besar *fuqahā'*. Dengan kata lain ia tidak berlaku daripada seorang *fuqahā'* dan secara tidak langsung telah membezakannya dengan ijтиhad secara individu. Begitu juga ia tidak berlaku pada sekumpulan kecil mereka sekaligus menolak definisi yang ketiga yang mensyaratkan demikian. Walaubagaimanapun, dalam sebahagian definisi yang lain maksud ungkapan ini dapat diperhatikan dalam sebutan yang berbeza seperti sekumpulan besar mujtahid, sekumpulan mufti dan kebanyakan mujtahid.

Ungkapan ‘**hukum syarak**’ pula membataskan keputusan yang dihasilkan kepada hukum-hukum syarak sahaja. Ini bagi membezakan ijтиhad *jamā’ī* dengan sebahagian bentuk syura lain yang tidak melibatkan hukum syarak.<sup>10</sup>

Ungkapan ‘**dipersepakati oleh kesemua mereka atau kebanyakannya mereka**’ pula menjelaskan bahawa keputusan yang dihasilkan mestilah sekurang-kurangnya dipersepakati kebanyakannya mereka. Oleh itu ijтиhad *jamā’ī* tidak dianggap berlaku sekiranya para mujtahid tidak mencapai persepakatan di antara kebanyakannya mereka bahkan masing-masing mempunyai pandangan dan ijтиhad yang berbeza di antara satu sama lain di akhir perbincangan. Ungkapan ini juga menjelaskan perbezaan di antara ijтиhad *jamā’ī* dengan ijмак di mana ijмак disyaratkan persepakatan kesemua mujtahid,<sup>11</sup> sekaligus menolak definisi yang keempat yang mensyaratkan berlakunya ijтиhad *jamā’ī* sebagaimana berlakunya ijмак.

Ungkapan ‘**selepas berlakunya permesyuaratan**’ sebagaimana yang terkandung juga di dalam definisi yang kelima, menjelaskan bahawa ijтиhad *jamā’ī* berlaku melalui suatu syura para mujtahid dengan cara mengemukakan pendapat masing-masing dan membincangkannya di suatu tempat pertemuan yang dikhurusukan untuknya. Ungkapan ini dilihat perlu disebut di dalam definisi bagi membezakan di antara ijтиhad *jamā’ī* dengan ijмак di mana persepakatan mujtahid di dalam

<sup>10</sup> Lihat perbezaan dan persamaan di antara syura dan ijтиhad *jamā’ī* dalam tulisan ini di bawah tajuk Perkaitan di Antara Ijтиhad *Jamā’ī* Dan Syura, h. 90-91.

<sup>11</sup> ‘Abd al-Majid al-Susawh, *op. cit.*

ijtihad *jamā'ī* hanya boleh dicapai melalui syura sedangkan persepakatan semua mujtahid di dalam ijmak boleh dicapai tanpa syura.<sup>12 13</sup>

Hal ini disokong pula oleh kenyataan *fugahā'* yang mengatakan bahawa ijtihad *jamā'ī* itu merupakan suatu bentuk syura *fugahā'* di dalam lapangan ijtihad.<sup>14</sup> Manakala definisi-definisi yang lain tidak menyebut ungkapan tersebut yang menyebabkan definisi-definisi mereka dilihat kurang jelas.

Bagi memahami dengan lebih jelas lagi konsep ijtihad *jamā'ī* ini, perlulah diperhatikan pula kepada syura yang menjadi asas kepada ijtihad *jamā'ī* dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Perkataan syura merupakan katanama terbitan (*maṣdar*) dari kata kerja *syawara*<sup>15</sup> yang diambil dari akar perkataan *syāra* – *yasyūru* – *syawran wa syiyāra*<sup>16</sup> yang mempunyai beberapa pengertian seperti :

- i- Mempamerkan atau mengemukakan keelokan sesuatu<sup>17</sup>
- ii- Mengeluarkan madu daripada sarangnya<sup>18</sup>

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> Perbezaan-perbezaan yang lain disebut di dalam tulisan ini di bawah tajuk Perbezaan Antara Ijtihad *Jamā'ī* Dengan Ijmak di h. 131-132.

<sup>14</sup> Muḥammad Kamāl al-Dīn Imām (1997), *I'dād al-Mumārisīn al-Ijtihād al-Jamā'ī*, dalam Majalah *al-Muslim al-Mu'āṣir*, bil. 83, Kaherah : al-Mā'had al-'Ālamī li al-fikr al-Islāmī, h. 94.

<sup>15</sup> Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Qurṭubī (1988), *al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān*, j. 8, juz 6, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 25; Muḥammad bin 'Alī al-Sywakānī (1994), *Fatḥ al-Qadīr*, j. 4, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 675.

<sup>16</sup> Luwīs Ma'lūf al-Yasū'ī (1987), *Munjid al-Tullāb*, c. 33, Beirut : Dār al-Masyriq, h. 386.

<sup>17</sup> Ibrāhīm Anīs et.al (1972), *al-Mu'jam al-Wasīt*, c.2, Kaherah : Dār al-Mā'rif, h. 499; Aḥmad bin Muḥammad al-Fayyūmī (1990), *al-Miṣbāḥ al-Munīr*, Beirut : Maktabah Lubnan, h. 125.

<sup>18</sup> Ibrāhīm Anīs et.al (1972), *ibid*; Luwīs Ma'lūf al-Yasū'ī (1987), *op.cit.* h. 386; al-Tāhir Aḥmad al-Zāwī (1984), *Mukhtār al-Qāmīs*, Libyā : al-Dār al-'Arabiyyah likitāb, h. 343.

Daripada akar perkataan ini, terbit pula katanama-katanama yang lain seperti *al-syawru* yang bermaksud madu, *al-masyāru* dan *al-syūrah* yang bermaksud sarang lebah, *al-syārah* yang bermaksud keelokan dan kecantikan dan lain-lain lagi.<sup>19</sup>

Begitu juga daripada akar perkataan ini, dibina pula kata kerja-kata kerja yang lain. Salah satu daripadanya ialah *syāwara* yang seimbang dengan neraca *fā'ala-ufā'ilu* – *fā'ilatan* atau *mufā'ilatan* yang memberi maksud suatu perbuatan yang terhasil daripada dua belah pihak atau lebih.<sup>20</sup> Oleh yang demikian, dari sudut bahasa syura bermaksud saling mempamerkan atau mengemukakan atau mengeluarkan sesuatu yang elok daripada kedua-dua belah pihak atau lebih.

Daripada pengertian ini, syura dari segi isitilah bolehlah didefinisikan sebagai mempamerkan atau mengemukakan pendapat yang bertentangan di dalam sesuatu perkara dengan cara bertukar-tukar pandangan sesama ahli syura yang dipilih daripada golongan cerdik pandai sehingga menghasilkan suatu keputusan yang terbaik untuk diamalkan, bagi menghasilkan kesan yang paling baik terhadap masyarakat.<sup>21</sup>

Sebahagian yang lain pula mendefinisikan syura dengan ungkapan yang hampir sama dengan definisi sebelumnya, tetapi dalam maksud yang lebih menyeluruh. Mereka mendefinisikannya sebagai suatu ibadah yang berbentuk perkongsian dan perbincangan pendapat, yang dilakukan berdasarkan kaedah-kaedah tertentu, dalam

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> Luwîs Ma'lûf al-Yasû'i (1987), *op.cit*, h. 956 (*Mazîdât al-Af'âl*, (!)).

<sup>21</sup> Muhammad 'Abd al-Qâdir Abû Fâris (1988), *op.cit*. h. 17-18.

sesuatu urusan umat Islam, bagi mencari kebenaran atau yang paling hampir dengannya, yang berkisar di sekitar perkara-perkara yang diharuskan atau disyarakkan yang perlu diperbincangkan, yang berkaitan dengan orang-orang Islam atau masyarakat umum.<sup>22</sup>

Selain itu, ada juga yang cuba menonjolkan kebebasan ahli syura dalam mengeluarkan pendapat sebagai suatu unsur yang penting di dalam definisi bagi menggambarkan syura dengan lebih jelas lagi. Ini dapat dilihat pada definisi yang menyebut ianya sebagai suatu proses mengemukakan pendapat oleh setiap ahli syura, disertakan penjelasan terhadap apa yang dinyatakannya dengan bebas dan sukarela, seterusnya mengajak pihak lain menyokongnya dengan ikhlas.<sup>23</sup>

Daripada definisi-definisi di atas, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian iaitu syura merangkumi semua aspek kehidupan manusia yang mana ianya memerlukan kepada usaha berfikir, pertukaran pendapat, dialog ilmiah, keterangan rasional, mengeluarkan pandangan yang bernes dan mengeluarkan hukum syarak dalam sesuatu permasalahan. Dengan kata lain, lapangan syura meliputi pelbagai bidang seperti pentadbiran, kemasyarakatan, ekonomi, moral, kehakiman, jenayah, undang-undang dan lain-lain.<sup>24</sup>

Syura dalam Islam merupakan satu kaedah yang mantap dalam menghasilkan sesuatu keputusan. Ianya merupakan satu tuntutan syarak yang sangat penting

<sup>22</sup> Muhammad 'Abd Allāh al-Khafīb (1999), *al-Syūrā Fī al-Islām*, Kaherah : Dār al-Ṭibā'ah wa al-Nasr al-Islāmiyyah, h. 23.

<sup>23</sup> Maḥmūd Bā Billī (1968), *al-Syūrā Fī al-Islām*, Beirut : Dār al-Irsyād, h. 28.

<sup>24</sup> Muhammad 'Abd al-Qādir Abū Fāris (1986), *op.cit.* h. 18.

serta tinggi nilainya. Syura telah ditaklifkan oleh Allah SWT ke atas setiap mukalaf dalam bidang dan tanggungjawab masing-masing.<sup>25</sup> Selain itu ia juga dikira sebagai satu dasar Islam yang unggul dan simbol pengiktirafan akal manusia serta kebebasan berfikir untuk diambil manfaat daripada kemampuan, kebolehan dan pengalaman seseorang.<sup>26</sup>

Ibn ‘Atiyyah mengatakan syura merupakan salah satu daripada kaedah-kaedah syariat dan paksi-paksi hukum. Tidak ada perselisihan dikalangan ulama dalam mengatakan wajibnya dilucutkan jawatan orang yang meninggalkan syura. Syura ini meliputi semua bidang kehidupan manusia samada bidang keagamaan, ketenteraan, politik, ekonomi dan sebagainya.<sup>27</sup>

Keterangan ini berdasarkan kepada dua firman Allah Ta’ala. Pertamanya firman Allah yang berbunyi :

“وَشَارِرُهُمْ فِي الْأَمْرِ”

Surah al-‘Imrān (3): 159

Maksudnya:

“Dan juga bermesyuaratlah dengan mereka di dalam urusan (peperangan dan soal-soal keduniaan) itu”

Firman Allah yang kedua pula berbunyi :

<sup>25</sup> *Ibid.* h. 8-9.

<sup>26</sup> Muhammad ‘Abd Allāh al-Khaṣīb (1999), *op.cit*, h. 5.

<sup>27</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Qurṭubī (1988), *op.cit*, j. 2, juz 4, h. 161.

”وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ“

Surah al-Syūrā (42): 37

Maksudnya :

*“Dan urusan mereka, dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka”*

Dua ayat di atas merupakan suatu perintah agama terhadap umat Islam agar melaksanakan syura dalam urusan kehidupan mereka. Berdasarkan kedua ayat tadi juga, dapat difahami bahawa syura bukan terhenti pada perkara-perkara yang tertentu sahaja, bahkan ia merangkumi semua bidang kehidupan manusia. Ini merujuk kepada perkataan “*amruhum*” yang didatangkan dalam bentuk umum, yang pengertiannya meliputi semua urusan orang Islam dan kehidupan mereka.<sup>28</sup> Ia bukan sahaja dikhususkan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pemerintahan tetapi lebih luas daripada itu. Lebih jelas lagi, ayat ini bersifat *Makkī* yang menunjukkan perlaksanaan syura telah berlaku sebelum lagi negara Islam diwujudkan.<sup>29</sup>

Perlaksanaan syura dapat dilihat dengan lebih jelas lagi melalui ucapan dan amalan Nabi SAW dalam kehidupannya bersama keluarga serta sahabat-sahabat baginda sehingga diriwayatkan oleh Abū Hurayrah bahawa beliau tidak pernah melihat

<sup>28</sup> Muhammad 'Abd al-Qādir Abū Fāris (1986), *op.cit.* h. 9; Maḥmūd Bā Billī (1968), *op.cit.* h. 51.

<sup>29</sup> Sayyid Quṭb (1974), *Fī Zilāl al-Qur'ān*, j. 5, Beirut : Dār al-Syurūq, h. 3165.

orang yang paling banyak bermesyuarat bersama sahabat-sahabatnya selain daripada Nabi SAW.<sup>30</sup>

Nabi SAW mengambil pendapat sahabat-sahabatnya dalam semua perkara yang tidak berkait dengan penentuan hukum. Walaubagaimanapun baginda tidak melakukan syura dengan sahabat-sahabatnya di dalam menentukan hukum kerana ianya merupakan urusan Allah. Manakala bagi sahabat-sahabat baginda, syura mereka tidak terhenti setakat itu, bahkan mereka juga melakukan syura dalam mengeluarkan hukum daripada al-Quran dan al-Sunnah.<sup>31</sup>

Sejarah telah mencatatkan bahawa Nabi SAW bermesyuarat dengan sahabatnya pada hari Badar untuk pergi menyekat kumpulan dagang Abū Sufyān yang datang dari Syām. Begitu juga baginda bermesyuarat sebelum peperangan Uhud samada untuk bertahan di dalam Madinah atau keluar berdepan dengan musuh di luar kota Madinah dan juga semasa peperangan Khandak. Selain daripada itu baginda juga bermesyuarat pada hari Perjanjian Hudaibiah.<sup>32</sup>

Hal ini diteruskan pula oleh para *Khulafā' al-Rāsyidīn* yang mengambil alih pemerintahan selepas baginda. Selepas sahaja kewafatan Nabi SAW, Abū Bakr r.a bersama sahabat-sahabat yang lain bermesyuarat di *Thaqīfah Banī Sā'idah* bagi memilih pengganti baginda dalam memimpin dan mentadbir urusan umat Islam

---

<sup>30</sup> Al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal (1994), *Musnad Li al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal*, c.2, Musnad al-Kūfiyyīn, no. hadith 18950.

<sup>31</sup> Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Qurtubī (1988), *op.cit*, j.8, juz 16, h. 25.

<sup>32</sup> Abū al-Fidā' Ismā'il bin Kathīr (1996), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, j.1, Beirut : al-Maktabah al-'Aṣriyyah, h. 369-370.

pada masa itu.<sup>33</sup> Hal seperti ini sentiasa dilakukan oleh beliau dalam perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kepentingan umum seperti masalah memerangi orang-orang murtad dan orang-orang yang enggan membayar zakat, memerangi negara Rom dan melantik ‘Umar al-Khaṭṭāb sebagai pengganti beliau.<sup>34</sup> Begitulah seterusnya, syura sentiasa dijalankan oleh para sahabat selepas daripada itu dan juga umat Islam selepas mereka.

Oleh sebab itu, para ulama telah bersepakat bahawa syura merupakan perkara yang disyariatkan oleh Islam dalam perkara yang tidak dinyatakan secara pasti oleh syarak. Manakala bagi perkara-perkara yang telah diputuskan oleh syarak secara pasti, syura dan mana-mana pandangan tidak diperlukan lagi.<sup>35</sup>

Walaubagaimanapun, Islam tidak menjelaskan bentuk atau cara syura dijalankan, bahkan Islam sengaja mewujudkan kekosongan ini supaya manusia sendiri yang menentukan bentuk yang paling sesuai untuk menghasilkan keputusan yang paling baik. Ini menjadikan bentuk syura itu berbeza mengikut kumpulan manusia, keadaan mereka serta perubahan masa.<sup>36</sup>

Oleh sebab itulah, berlaku perbezaan bentuk syura di kalangan sahabat sendiri. Nabi SAW sendiri mengambil pendapat dan bermesyuarat dengan penduduk

<sup>33</sup> Abū al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr (1993), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, j. 5, Beirut : Dār Iḥyā' al-Thurāt al-'Arabī, h. 265-268.

<sup>34</sup> Sa'īd Ramaḍān al-Būfī (1994), *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*, Kaherah : Dār al-Salām, h. 352-353.

<sup>35</sup> *Ibid*, h. 159.

<sup>36</sup> Muḥammad Abū Zahrah (t.t.), *Uṣūl al-Fiqh*, T.T.P : Dār al-Fikr al-'Arabī, h. 100; Maḥmūd Bā Billī (1968) *op. cit.* h. 41; Sayyid Qūjb (1974), *op. cit.*

Madinah. Demikian juga dilakukan oleh Abū Bakr dan ‘Umar al-Khaṭṭāb. Ini kerana Madinah merupakan suatu tempat berhimpunnya orang-orang yang beriman pada masa itu. Bagi ‘Umar al-Khaṭṭāb pula, beliau mempunyai syuranya yang tersendiri yang terdiri dari golongan yang diredayai oleh Rasulullah SAW sebelum kewafatannya iaitulah ‘Alī bin Abī Tālib, ‘Uthmān bin ‘Affān, Talḥah bin ‘Ubayd Allāh, Zubayr bin ‘Awwām, Mu’ādh bin Jabal dan Zayd bin Thābit. Beliau bermesyuarat dengan mereka ini dalam setiap perkara yang menyentuh kepentingan umum. Golongan ini mempunyai keimanan yang tinggi, pemahaman yang baik dalam urusan agama, memiliki pengetahuan yang baik terhadap kepentingan umum dan mampu mengurus hal-hal pentadbiran dengan cekap.<sup>37</sup>

Selain itu, ‘Umar al-Khaṭṭāb juga mempunyai syura yang lebih terbuka yang khusus untuk perkara-perkara yang sangat penting. Beliau akan mengumpulkan penduduk-penduduk Madinah yang terdiri daripada Muhājirīn dan Anṣār dan mengemukakan kepada mereka sesuatu permasalahan. Mereka akan berbincang untuk mencari keputusan yang terbaik sebagaimana yang dilakukannya sebelum memulakan perperangan dengan tentera Parsi dan dalam masalah pembahagian tanah rampasan perang di Iraq kepada tentera-tentera Islam.<sup>38</sup>

Melihat kepada kepentingan syura yang begitu besar inilah, munculnya kata-kata daripada sahabat dan para ulama bagi menggambarkan kepentingan dan kebaikan yang akan diperolehi daripada syura. ‘Umar al-Khaṭṭāb pernah berkata sesuatu umat itu tidak akan mendapat kebaikan dalam perkara yang diusahakan melainkan

<sup>37</sup> Maḥmūd Bā Billī (1968), *ibid.* h. 53-54.

<sup>38</sup> *Ibid.* h. 54.

dengan syura. ‘Alī Ibn Abī Ṭālib pula menyatakan tujuh keistimewaan yang terkandung di dalam syura iaitu menghasilkan kebenaran, mengeluarkan pendapat, mengawal dari kesilapan, memelihara daripada celaan, terselamat daripada penyesalan, menenangkan hati dan mengikut jejak orang-orang yang terdahulu. Aḥnāf bin Qays pernah ditanya : “ Apakah yang menjadikan pendapat kamu banyak yang betul daripada yang silap dalam menyelesaikan perkara-perkara yang kamu hadapi ”. Beliau menjawab : “ Melalui mesyuarat dengan orang-orang yang berpengalaman ”.<sup>39</sup>

Ibn al-‘Arabī menyatakan syura dapat memberi ketenangan kepada masyarakat, menggilap pemahaman dan menjadi sebab yang boleh membawa kepada kebenaran. Sementara Ḥasan al-Baṣrī pula menyebut tidak bermesyuarat sesuatu golongan melainkan mereka akan diberi petunjuk yang paling baik dalam urusan mereka.<sup>40</sup>

Kata-kata mereka ini memberi suatu gambaran terhadap kepentingan syura dalam kehidupan manusia dalam apa saja urusan kehidupan manusia dari sekecil-kecil hingga sebesar-besar perkara. Daripada urusan rumahtangga hingga ke urusan pemerintahan negara. Semua keadaan ini tidak boleh terlepas daripada syura.

<sup>39</sup> Muḥammad ‘Abd Allāh al-Khaṣīb (1999), *op. cit*, h. 5.

<sup>40</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥāmmad bin Aḥmad al-Qurṭubī (1988), *op.cit*.

## 2.2 Asas Ijtihad *Jamā'ī*:

Ijtihad *jamā'ī* merupakan suatu aktiviti yang disyariatkan oleh Islam. Ini berdasarkan kepada dalil-dalil daripada al-Quran, al-Sunnah dan juga *āthār* sahabat. Dalil al-Quran yang menjadi sandaran kepada ijtihad *jamā'ī* ialah dua ayat yang menjadi dalil kepada syura. Ini jelas kerana ijtihad *jamā'ī*, sebagaimana yang telah dinyatakan, tidak lain melainkan suatu bentuk syura di kalangan *fuqihā'* dalam lapangan ijtihad. Ianya merupakan salah satu daripada pelbagai bentuk syura yang dilaksanakan oleh umat Islam dari dulu hingga sekarang. Oleh sebab itu, para *mufassirūn* dalam mentafsirkan dua ayat tersebut, tidak membataskannya dalam urusan pemerintahan negara sahaja bahkan melangkaui lebih daripada itu.<sup>41</sup> Tidak syak lagi bahawa urusan mengeluarkan hukum secara *jamā'ī* termasuk di dalam kategori syura.

Terdapat satu hadith yang boleh dijadikan sandaran kepada ijtihad *jamā'ī* iaitulah hadith yang diriwayatkan oleh Imām al-Ṭabrānī dalam *al-Mu'jam al-Awsat* dengan sanad yang baik, bahawa ‘Alī Ibn Abī Ṭālib r.a ada berkata :

“Aku bertanya kepada Rasulullah : Wahai Rasulullah, sekiranya berlaku sesuatu perkara terhadap kami yang tiada suruhan atau larangan daripada agama, apakah yang engkau hendak aku lakukan?”. Rasulullah SAW menjawab : “Bermesyuaratlah dengan para *fuqaha'* dan ahli-ahli ibadah, dan janganlah kamu membuat keputusan dengan pandangan kamu sahaja”.<sup>42</sup>

<sup>41</sup> *Ibid*. j. 2, juz 4, h. 161; Sayyid Qūjb (1974), *op.cit*; Muḥammad bin 'Alī al-Sywakānī (1994), *op.cit*. j. 1, h. 496; Muḥammad 'Alī al-Šabūnī (t.t), *Šafwah al-Tafsīr*, j.3, Beirut : 'Ālam al-Kutub, h. 221.

<sup>42</sup> Al-Ḥāfiẓ Nūr al-Dīn 'Alī bin Abū Bakr al-Haythamī (1994), *Majma' al-Zawā'id wa Manba'u al-Fawā'id*, Kitāb al-'Ilm, Bāb Fī al-Ijmā', no. hadith 834.

Ungkapan ‘Alī Ibnu Abī Ṭālib “sekiranya berlaku sesuatu perkara terhadap kami” menunjukkan perkara tersebut menyentuh kepentingan umum. Oleh sebab itulah, Rasulullah SAW memberi peringatan agar tidak berijtihad secara individu di dalam perkara tersebut bahkan melakukannya melalui syura para *fiqahā*.<sup>43</sup>

Begitu juga terdapat *āthār* sahabat yang menunjukkan ijtihad *jamā’ī* merupakan suatu amalan yang digalakkan oleh syarak. Diriwayatkan daripada Imām al-Dārimī daripada Maymūn bin Mahrān menyebut bahawa Abū Bakr r.a apabila tidak mendapati hukum bagi sesuatu perkara di dalam al-Quran dan al-Sunnah, beliau akan menghimpunkan pemimpin-pemimpin umat Islam dan ulama mereka untuk bermesyuarat. Sekiranya pandangan mereka bertemu titik penyelesaiannya, mereka akan membuat keputusan dengannya.<sup>44</sup>

Begitu juga yang dilakukan oleh ‘Umar al-Khaṭṭāb r.a. Apabila beliau tidak mendapati hukum bagi sesuatu perkara daripada al-Quran dan al-Sunnah, beliau akan mengumpulkan ulama dan bermesyuarat dengan mereka dan sekiranya pandangan mereka menemui titik penyelesaiannya, mereka akan membuat keputusan dengannya,<sup>45</sup> sehingga disebut beliau akan bermesyuarat dengan para sahabatnya yang hadir atau dengan cara mengumpulkan mereka termasuk Ibn ‘Abbās r.a sendiri yang pada masa itu masih lagi muda.<sup>46</sup>

<sup>43</sup> Muḥammad ‘Abd al-Qādir Abū Fāris (1986), *op.cit.* h. 63.

<sup>44</sup> Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Raḥmān al-Dārimī (1985), *Sunan al-Dārimī*, j.1, Beirut : Dār al-Fikr, h. 58.

<sup>45</sup> Syams al-Dīn Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Abī Bakr Ibn al-Qayyim (1993), *A‘lām al-Miwaqqi’īn*, c. 2, j. 1, juz 1, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 66.

<sup>46</sup> *Ibid.* j. 2, juz 4, h. 197.

Kadi Syurayḥ r.a menceritakan bahawa ‘Umar al-Khaṭṭāb berpesan kepadanya supaya membuat keputusan dengan keputusan yang telah dibuat oleh Rasulullah. Seandainya tidak diketahui keputusan Rasulullah SAW, buatlah keputusan dengan apa yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin yang mendapat petunjuk. Sekiranya ini juga tidak diketahui, berijtihadlah berdasarkan pandangan kamu dan bermesyuaratlah dengan ahli-ahli ilmu dan orang-orang soleh.<sup>47</sup>

Dalil-dalil di atas, al-Quran dan al-Sunnah serta *āthār* sahabat, menjadi sandaran utama bahawa ijтиhad *jamā’ī* merupakan perkara yang disyariatkan oleh Allah terutamanya dalam hal-hal yang menyentuh kepentingan umum.

### 2.3 Perkaitan Di Antara Ijtihad *Jamā’ī* Dan Syura

Sebagaimana disebutkan sebelum ini, ijтиhad *jamā’ī* merupakan suatu perkara yang disyariatkan oleh Allah berdasarkan firmanNya yang menyuruh umat Islam melakukan syura dalam urusan mereka. Dari sini dapat difahami bahawa ijтиhad *jamā’ī* merupakan salah satu daripada bentuk syura yang diamalkan oleh para *fuqahā’*. Namun begitu, ianya merupakan dua perkara yang berbeza kerana walaupun wujudnya beberapa persamaan, terdapat juga beberapa perkara yang membezakan kedua-duanya. Antara persamaannya ialah :

- i- kedua-duanya merupakan satu proses pertukaran pendapat dalam suatu pertemuan yang khusus bagi menghasilkan satu keputusan yang terbaik.
- ii- kedua-duanya melibatkan sekumpulan umat Islam yang pakar di dalam bidang masing-masing.

---

<sup>47</sup> *Ibid.* j. 1, juz 1, h. 67.

- iii- kedua-duanya tidak mempunyai bentuk dan cara yang tetap bahkan ianya berubah mengikut keadaan.
- iv- keputusan yang dihasilkan melalui kedua-dua proses ini tidak mengikat. Ianya akan mengikat umat Islam apabila dikeluarkan arahan melaksanakannya oleh pemerintah umat Islam.
- v- kedua-duanya merupakan perkara yang disyariatkan oleh syarak berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.
- vi- kedua-duanya disyariatkan pada perkara-perkara yang tidak dinaskan secara pasti (*qat'i*).

Namun yang membezakan keduanya pula boleh dilihat dari beberapa dimensi :

- i- Syura telah berlaku pada zaman Rasulullah, manakala ijтиhad *jamā'i* muncul selepas kewafatan Nabi SAW.
- ii- Syura bersifat lebih umum iaitu merangkumi semua bidang kehidupan, manakala ijтиhad *jamā'i* bersifat lebih khusus iaitu menjurus hanya kepada persoalan hukum syarak. Dengan kata lain, setiap ijтиhad *jamā'i* itu termasuk di dalam syura tetapi bukan sebaliknya.
- iii- Syura boleh melibatkan mana-mana pakar yang berkaitan dengan sesuatu persoalan, manakala ijтиhad *jamā'i* hanya melibatkan para ulama atau pengkaji-pengkaji di dalam bidang agama.
- iv- Keputusan syura boleh dilihat dalam pelbagai perkara seperti strategi perang, dasar negara dan sebagainya, manakala keputusan ijтиhad *jamā'i* hanya boleh didapati dalam bentuk hukum syarak.

- v- Persepakatan semua ahli syura dalam sesuatu permasalahan adakalanya boleh dinamakan ijmak dan adakalanya tidak boleh, manakala persepakatan semua *fugahā'* di dalam ijtihad *jamā'ī* boleh dikira sebagai ijmak.

#### 2.4 Sejarah Perkembangan Ijtihad *Jamā'ī*.

Ijtihad *jamā'ī* dikatakan bermula selepas kewafatan Nabi SAW. Dengan kata lain ia bermula di zaman pemerintahan Abū Bakr al-Šiddīq r.a.<sup>48</sup>

Imām al-Qurṭubī menyebut bahawa ijtihad *jamā'ī* tidak berlaku di zaman Nabi SAW kerana keputusan hukum dapat diketahui melalui wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi SAW. Manakala selepas kewafatan Nabi SAW, sahabat-sahabat baginda mula melakukan syura dalam mengeluarkan hukum daripada al-Quran dan al-Sunnah<sup>49</sup> khususnya di zaman Abū Bakr r.a dan ‘Umar r.a di mana menjadi kebiasaan mereka melakukan ijtihad secara *jamā'ī*.<sup>50</sup>

Terdapat beberapa peristiwa yang berlaku di zaman Abū Bakr r.a yang mana keputusannya dicapai melalui proses ijtihad *jamā'ī* bersama-sama dengan sahabat yang lain. Antaranya peristiwa yang dihadapi oleh umat Islam selepas kewafatan Nabi SAW, iaitu murtadnya sebahagian daripada orang Islam disebabkan mereka

<sup>48</sup> 'Abd al-Nāṣir Tawfiq al-‘Ajjār (1997), *op.cit.*, h.45; Muḥammad Kamāl al-Dīn Imām (1997), *op.cit.*

<sup>49</sup> Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Qurṭubī (1988), *op.cit.*, j. 8, juz 16, h. 25.

<sup>50</sup> 'Abd al-Karīm Zaydān (1992), *al-Madkhāl Li Dirāsah al-Syari'ah al-Islāmiyyah*, c. 12, Maṇṣūrah : Dār al-Wafā', h. 100.

mengingkari kewajipan membayar zakat. Walaubagaimanapun, golongan ini masih mengaku beragama Islam dan menunaikan sembahyang.<sup>51</sup>

Abū Bakr r.a berpendapat bahawa golongan ini wajib diperangi kerana mereka telah membezakan di antara kewajipan zakat dan sembahyang. Walaubagaimanapun, tindakan ini tidak dipersetujui oleh ‘Umar al-Khaṭṭāb r.a yang datang kepadanya dan mempersoalkan tindakan tersebut. ‘Umar al-Khaṭṭāb r.a telah mengemukakan alasan-alasan mengapa beliau tidak bersetuju dengan tindakan Abū Bakr. Bagi menyelesaikan perselisihan pendapat ini suatu perbincangan yang panjang dilakukan oleh mereka. Akhirnya ‘Umar al-Khaṭṭāb dapat menerima penjelasan daripada Abū Bakr dan menyetujui pendapat tersebut.<sup>52</sup> Hal ini diikuti pula oleh para sahabat yang lain.<sup>53</sup>

Selain peristiwa ini, terdapat lagi beberapa peristiwa lain yang berlaku di zaman pemerintahan Abū Bakr r.a yang keputusannya dihasilkan secara ijithad *jamā’ī* seperti persetujuan para sahabat untuk melantik Abū Bakr r.a sebagai pengganti Rasulullah SAW dan keputusan untuk mengumpulkan al-Quran.<sup>54</sup>

Begitu juga yang berlaku di zaman pemerintahan ‘Umar al-Khaṭṭāb r.a, terdapat beberapa peristiwa yang keputusannya dihasilkan melalui proses ijithad *jamā’ī*.

<sup>51</sup> ‘Alī Ḥasab Allāh (1976), *op.cit.* h. 92.

<sup>52</sup> Ahmad bin ‘Alī bin Hārūn al-‘Asqalānī (1989), *Faīl al-Bārī Syarḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Zakāt, Bāb Wujūb al-Zakāt, no hadith 1399 dan 1400.

<sup>53</sup> ‘Alī Ḥasab Allāh (1976), *op.cit.*

<sup>54</sup> *Ibid.* Sya'bān Muḥammad Ismā’īl (1998), *al-Ijtihād al-Jamā’ī wa Dawru al-Majāmi’ al-Fiqhiyyah Fi Taṣbīqih*, Beirut : Dār al-Basyā’ir, h. 88.

Peristiwa ini menjadi contoh ijтиhad *jamā'ī* yang berlaku di kalangan sahabat dalam mencari suatu keputusan hukum yang paling baik sebagaimana diriwayatkan oleh Imām Abū Yūsuf di dalam kitabnya al-Kharāj.

Oleh sebab itulah ‘Umar al-Khaṭṭāb r.a menegaskan sekiranya bukanlah kerana generasi Islam yang akan datang, akan dibahagikan harta dari setiap negeri yang ditawan kepada yang berhak sebagaimana Nabi SAW membahagikan tanah Khaybar.<sup>57</sup>

Selain daripada peristiwa di atas, terdapat satu lagi peristiwa lain yang berlaku di zaman ‘Umar al-Khattāb r.a yang mana mereka melakukan ijтиhad *jamā'ī* bagi menghasilkan keputusannya. Peristiwa tersebut berkenaan dengan hukuman ke atas peminum arak.

Imām al-Dāraqaṭnī meriwayatkan dengan sanadnya daripada Ibnu ‘Abbās r.a bahawa peminum arak akan dipukul di zaman Rasulullah SAW dengan tangan-tangan, selipar-selipar dan tongkat-tongkat sehingga kewafatan Rasulullah. Manakala di zaman Abū Bakr r.a, beliau menyebat mereka sebanyak empat puluh sebatan sehingga kewafatan beliau. Kemudian di zaman ‘Umar al-Khaṭṭāb r.a, beliau juga menyebat mereka dengan sebatan yang sama sehinggalah dibawa kepadanya seorang peminum arak daripada golongan muhajirin yang awal. Lalu ‘Umar memerintahkan supaya lelaki tersebut disebat.<sup>58</sup>

<sup>57</sup> Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajr al-‘Asqalānī, *op.cit*, Kitāb al-Ḥarth wa al-Muzāra’ah, no. hadith 34.

<sup>58</sup> Abū Ḥasan ‘Alī bin ‘Umar al-Dāraqaṭnī (1996), *Sunan al-Dāraqaṭnī*, Kitāb al-Ḥudūd wa al-Diyyāt wa Ghayruh, no. hadith 3312.

Lelaki tersebut enggan menerima hukuman tersebut dengan mengemukakan alasan-alasannya. Ini menyebabkan ‘Umar al-Khaṭṭāb r.a telah meminta pandangan daripada sahabat-sahabatnya yang lain. Hasilnya berlakulah suatu perbincangan di kalangan sahabat dalam mencari jalan penyelesaian kepada masalah tersebut. Antara sahabat yang memberi pandangan supaya lelaki tersebut tetap dijatuhkan hukuman sebatan ialah Ibn ‘Abbās dan ‘Alī Ibn Abī Ṭālib r.huma. Walaubagaimanapun, ‘Alī Ibn Abī Ṭālib r.a mencadangkan supaya lelaki tersebut dikenakan sebatan lapan puluh rotan kerana dia bukan sahaja telah meminum arak tetapi juga berbohong dan memfitnah. Lalu ‘Umar memerintahkan supaya lelaki tersebut disebat dengan kadar tersebut.<sup>59</sup>

Imām Muslim meriwayatkan peristiwa yang hampir sama daripada Anas bin Mālik bahawa didatangkan seorang lelaki yang meminum arak kepada Rasulullah SAW, lalu Rasulullah menyebatnya dengan menggunakan dua pelepah tamar sebanyak empatpuluhan sebatan. Demikian juga dilakukan di zaman Abū Bakr r.a. Manakala di zaman ‘Umar al-Khaṭṭāb r.a, beliau bermesyuarat dengan orang ramai mengenai hukuman tersebut, lalu ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Awf r.a berkata hukuman yang paling ringan bagi pemindum arak ialah sebanyak lapan puluh sebatan. Lalu ‘Umar al-Khaṭṭāb r.a memerintahkan dilaksanakan hukuman tersebut.<sup>60</sup>

Peristiwa-peristiwa di atas merupakan sebahagian sahaja daripada contoh-contoh ijtihad *jamā‘i* yang pernah berlaku pada zaman para sahabat. Selain daripada ini

<sup>59</sup> *Ibid.*

<sup>60</sup> Muhyī al-Dīn Yāḥyā bin Syaraf al-Nawawī (1995), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawawī*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Ḥadd al-Khamr, no. hadith 35.

terdapat banyak lagi peristiwa lain seperti peristiwa menyamakan bahagian pusaka bagi datuk sebelah bapa dan datuk sebelah ibu sebanyak satu perenam,<sup>61</sup> mengharuskan binatang buruan yang ditangkap oleh selain daripada anjing berdasarkan *qiyās*. Begitu juga menqiyāskan menuduh orang-orang lelaki yang baik dikenakan hukuman yang sama dengan menuduh perempuan-perempuan yang baik, iaitu sama-sama dikenakan hukuman *qadhf* ke atas penuduh sebanyak lapanpuluhan sebatan.<sup>62</sup>

Selepas daripada zaman *Khulafā' al-Rāsyidīn*, ijтиhad secara *jamā'ī* di kalangan sahabat tidak lagi kerap berlaku kerana perpindahan sahabat-sahabat Nabi SAW ke serata tempat. Ini sudah tentu menyukarkan bagi mereka untuk berhubung dan bertemu bagi membincangkan sesuatu perkara secara syura.<sup>63</sup>

Walaubagaimanapun, di zaman *tābi'i*'n, ijтиhad *jamā'ī* dilihat masih lagi diamalkan oleh sebahagian pemimpin mereka. Antaranya ialah 'Umar bin 'Abd al-'Azīz r.a. Diriwayatkan apabila beliau mentadbir bandar Madinah al-Munawwarah, beliau singgah di rumah Marwan. Apabila selesai sembahyang Zohor beliau telah menjemput sepuluh orang *fuqahā'* di Madinah<sup>64</sup> termasuk tujuh orang *fuqahā'* Madinah yang terkenal dan menyatakan beliau tidak akan membuat keputusan

<sup>61</sup> 'Alī Ḥasab Allāh (1976), *op.cit.*

<sup>62</sup> Nādiyah Syarīf al-'Umarī (1987), *Ijtihād al-Rasūl*, c.4, Beirut : Mu'assasah al-Riśālah, h. 229.

<sup>63</sup> 'Abd al-Karīm Zaydān (1992), *op.cit.*, h. 111-112.

<sup>64</sup> Mereka adalah 'Urwah bin al-Zubayr, Abū Bakr bin 'Abd al-Rahmān, 'Ubayd Allāh bin 'Abd Allāh, Khārijah bin Zayd, al-Qāsim bin Muḥammad, Sulaymān bin Yasār, 'Abd Allāh bin 'Abd Allāh bin 'Umar, Salīm bin 'Abd Allāh bin 'Umar, Abū Bakr bin Sulaymān dan 'Abd Allāh bin 'Āmir. Lihat Sya'bān Muḥammad Ismā'il (1998), *op.cit.*, h. 25.

dalam sesuatu perkara melainkan selepas mendapat pandangan mereka semua atau sebahagian mereka yang hadir.<sup>65</sup>

Amalan ini juga berlaku dalam sebahagian zaman kerajaan Amawiyyah<sup>66</sup> di Andalus iaitu di masa Yaḥya bin Yaḥya al-Laythī menjadi Ketua Kadi. Beliau telah mewujudkan satu majlis syura bagi menyelidik permasalahan-permasalahan hukum yang berlaku di mana majlis tersebut adakalanya di anggotai oleh seramai enambelas orang.<sup>67</sup>

Selepas daripada zaman ini, proses mengeluarkan hukum secara *jamā'ī* tidak lagi menjadi suatu metod yang popular bahkan setiap mujtahid masing-masing berijtihad di tempat dan persekitaran mereka sendiri. Ijtihad mereka adakalanya bersamaan dengan ijтиhad sebahagian yang lain dan adakalanya bertentangan. Paling jauh yang mereka mampu ungkapkan ialah tidak diketahui perselisihan pendapat dalam perkara ini.<sup>68</sup>

Begitulah seterusnya yang berlaku hingga ke zaman imam-imam mujtahid, di mana Imām Abū Ḥanīfah disebut satu-satunya imam mujtahid yang ada melakukan ijtihad secara *jamā'ī*. Menjadi kelaziman beliau mengemukakan permasalahan-permasalahan *fiqh* dan isu-isu semasa kepada murid-murid beliau supaya mereka menyatakan pendapat masing-masing mengenai perkara tersebut.

<sup>65</sup> 'Abd al-Rahmān bin Khaldūn (1996), *Tārīkh Ibn Khaldūn*, j. 3, Beirut : Dār al-Fikr, h. 75-76.

<sup>66</sup> Pada kurun kedua hijrah. Lihat 'Abd al-Wahhāb Khallāf (1996), *Ilmun Uṣūl al-Fiqh*, c. 12, Kuwait : Dār al-Qalam, h. 50.

<sup>67</sup> 'Abd al-Majīd al-Sūsawī, *al-Ijtihād al-Jamā'ī fi al-Tasyīr al-Islāmī*, [http://www.islam.gov.qa/uma/62/uma\\_62\\_ch1\\_2.htm](http://www.islam.gov.qa/uma/62/uma_62_ch1_2.htm), 18 Rejab 1422H.

<sup>68</sup> 'Abd al-Wahhāb Khallāf (1996), *op.cit.*

Dari sini berlakulah perbincangan di kalangan mereka. Apabila perbincangan tersebut berakhir dengan satu persetujuan, beliau akan membacakan keputusan tersebut kepada murid-muridnya untuk ditulis atau salah seorang daripada mereka akan menulisnya. Sekiranya berlaku perbezaan pendapat di antara beliau dan murid-murid beliau, perbezaan pendapat tersebut akan turut ditulis. Metod berijtihad secara syura ini telah dilaksanakan oleh Imām Abū Ḥanīfah semenjak daripada permulaan muncul mazhabnya.<sup>69</sup>

Sebahagian dari pemikir-pemikir Islam menyatakan terdapat beberapa kemungkinan yang menyebabkan ijтиhad *jamā'ī* kurang aktif diamalkan selepas zaman sahabat. Antaranya kerana bimbang kepada tekanan pemerintah ke atas badan-badan yang menjalankan ijтиhad *jamā'ī*. Ini kerana selepas daripada zaman *Khulafā' al-Rāsyidīn* sistem pemerintahan telah bertukar kepada sistem pemerintahan beraja yang menyebabkan sebahagian daripada pemerintah boleh mengambil kesempatan ke atas badan-badan ijтиhad *jamā'ī* supaya mengikut telunjuk mereka dan tunduk kepada kepentingan politik mereka bukannya kepada kehendak syariat Islam sebagaimana yang sepatutnya.<sup>70</sup>

Ada juga yang berpendapat para ulama pada masa itu tidak merasakan wujudnya kepentingan untuk menubuhkan badan-badan yang menjalankan ijтиhad *jamā'ī*. Ini kerana mereka merasakan badan-badan tersebut boleh mengurangkan aktiviti ijтиhad secara individu. Ada kemungkinan juga kerana wujudnya sekatan daripada pemerintah yang tidak mahu melihat munculnya satu badan yang mengumpulkan

<sup>69</sup> Abd al-Karīm Zaydān (1996), *op.cit.*, h. 132.

<sup>70</sup> Abd al-Majīd al-Sūsawh, *op.cit.*

ramai ulama yang boleh menjadi pembangkang kepada pemerintah seterusnya melemahkan dan menyekat kepentingan-kepentingan politik pemerintah.<sup>71</sup>

Selepas zaman ini, aktiviti ijtihad sudah tidak lagi menjadi suatu aktiviti yang popular dikalangan *fuqahā'*, sama ada secara individu maupun *jamā'ī*. Ini berlaku kerana telah muncul seruan ke arah penutupan pintu ijtihad pada akhir kurun keempat hijrah,<sup>72</sup> selepas para ulama merasa bimbang lemahnya faktor agama yang boleh merosakkan asas *fiqh* yang telah dibina oleh imam-imam mazhab sebelum itu. Ini kerana muncul banyak dakwaan ijtihad dari golongan yang tidak mempunyai kelayakan untuk mengeluarkan ijtihad dengan tidak berasaskan kepada pengetahuan *fiqh* yang sebenar. Oleh sebab itu para *fuqahā'* mengeluarkan fatwa supaya pintu ijtihad ditutup.<sup>73</sup>

Penutupan pintu ijtihad telah menyebabkan tersebarnya amalan taklid mazhab dan jauhnya orangramai daripada mempelajari dengan mendalam ilmu-ilmu yang boleh melengkapkan diri ke arah ijtihad. Selain itu ia juga menyebabkan timbulnya sikap fanatik kepada mazhab di kalangan pengikut-pengikut mazhab dan ruang perbincangan mereka berkisar di sekitar mazhab masing-masing. Hal ini berlaku dalam jangka masa yang lama kecuali di kalangan sebahagian ulama yang sentiasa berijtihad.<sup>74</sup>

---

<sup>71</sup> *Ibid.*

<sup>72</sup> Badrān Abū al-'Aynayn Badrān (t.t), *op.cit.*, h. 95; 'Abd al-Karīm Zaydān (1992), *op.cit.*, h.122; Wahbah al-Zuhaylī (1986), *op.cit.*, j. 2, h. 1085.

<sup>73</sup> 'Abd al-Karīm Zaydān (1992), *ibid*; Wahbah al-Zuhaylī (1986), *ibid*.

<sup>74</sup> 'Abd al-Majīd al-Sūsawī, *op.cit.*

Seruan ke arah ijтиhad *jamā'ī* muncul kembali di zaman mutakhir ini. Ramai *fuqahā'* masa kini<sup>75</sup> menyeru supaya ijтиhad *jamā'ī* dilakukan melalui penubuhan *majma'-majma' fiqh* yang akan mengumpulkan para *fuqahā'* masa kini bagi membincangkan permasalahan-permasalahan baru secara syura. Di samping itu kerjasama daripada pakar-pakar dari pelbagai bidang ilmu yang lain sangat diperlukan bagi menghasilkan keputusan yang lebih tepat dan menepati objektif syarak. Ini bagi menghadapi permasalahan-permasalahan baru yang sentiasa muncul yang adakalanya memerlukan penjelasan syarak daripada para *fuqahā'*. Untuk itu ditubuhkan badan-badan tertentu bagi menjalankan tanggungjawab ini seperti *majma'-majma' fiqh* di peringkat antarabangsa dan jawatankuasa-jawatankuasa fatwa di peringkat nasional.

## **2.5 Ijtihad *Jamā'ī* Di Peringkat Antarabangsa Dan Nasional :**

Oleh kerana ijтиhad *jamā'ī* merupakan suatu bentuk ijтиhad yang paling baik dalam menghasilkan keputusan hukum, pendekatan ini telah diambil oleh *majma'-majma' fiqh* di peringkat antarabangsa dan juga jawatankuasa-jawatankuasa fatwa di peringkat nasional.

Di peringkat antarabangsa, terdapat beberapa badan yang ditubuhkan bagi menjalankan tanggungjawab ini yang dikenali dengan nama *majma'*. Sehingga sekarang terdapat tiga *majma'* di seluruh dunia iaitu *Majma' al-Buhūth al-*

---

<sup>75</sup> Yusuf al-Qarađāwī (1994), *al-Ijtihād al-Mu'āşir Bayna al-Indibāt wa al-Infirāt*, Kaherah : Dār al-Tibā'ah wa al-Nasyr al-Islāmiyah, h. 97; 'Abd al-Majid al-Sūsawh, *op.cit*; Nādiyah Syarīf al-'Umārī (1987), *op.cit*, h. 367; Wahbah al-Zuhaylī (1997), *op.cit.*, h. 30; 'Alī Ḥasab Allāh (1976), *op.cit*.

*Islāmiyyah* di Kaherah Mesir, *al-Majma' al-Fiqh al-Islāmī* di Mekah dan *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* di Jeddah.<sup>76</sup>

Bagi menjayakan ijтиhad *jamā'i* dengan sebaik-baiknya, badan-badan ini bukan sahaja akan dianggotai oleh para *fuqahā'*, tetapi akan dibantu pula oleh pakar-pakar dalam bidang-bidang ilmu semasa yang mempunyai kaitan dengan perkara yang akan diijtihadkan. Oleh itu para ulama *uṣūl al-fiqh* telah menggariskan beberapa syarat utama yang boleh dilihat dalam dua pembahagian :

i- Syarat-syarat bagi *fuqahā'*. Syarat-syarat ini terbahagi kepada dua iaitu :

- a- Syarat diri - yang dimaksudkan dengan syarat ini ialah syarat taklif iaitu Islam, berakal, baligh sebagaimana telah dihuraikan di dalam bab yang pertama di bawah tajuk syarat-syarat mujtahid dengan ditambah satu syarat yang lain pula iaitu anggota tersebut benar-benar seorang yang *faqīh*.<sup>77</sup>
- b- Syarat keilmuan- tidak disyaratkan anggota-anggota tersebut menguasai kesemua bahagian *fiqh* bahkan memadai dengan menguasai satu bahagian daripadanya sebagaimana dinyatakan oleh kebanyakan *uṣūliyyūn*.<sup>78</sup> Walaubagaimanapun, beberapa ilmu yang penting mestilah dikuasai oleh anggota-anggota

<sup>76</sup> 'Abd al-Majid al-Süsawh, *op.cit*, [http://www.islam.gov.qa/umaa/62/uma\\_62\\_ch5.htm](http://www.islam.gov.qa/umaa/62/uma_62_ch5.htm), 18 Rejab 1422H; Sya'bān Muḥammad Isma'il (1998), *op.cit.* h. 137.

<sup>77</sup> Ḥasan Muḥammad Marzūqī (1997), *Syurūt al-Ijtihād al-Jamā'i*, dalam Majalah *Maṭār al-Islām*, bil. 11, Kaherah : Mu'assasah al-Ahrām, h. 37.

<sup>78</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1986), *op.cit.*, j. 2, h. 1075.

tersebut iaitu seperti mana telah dihuraikan di dalam bab yang pertama di bawah tajuk syarat-syarat kelayakan mujtahid.

ii- Syarat – syarat bagi anggota tidak tetap iaitu pakar-pakar ilmu semasa yang berkaitan dengan isu yang dibincangkan. Golongan ini hendaklah terdiri dari mereka yang benar-benar menguasai ilmu tersebut. Untuk itu umur yang dikira sesuai ialah tidak kurang daripada tigapuluhan tahun. Selain itu mereka juga hendaklah mempunyai sifat amanah dengan ilmu. Mereka juga dikehendaki memahami pembahagian hukum syarak serta objektif syarak secara umum. Bagi mempastikan syarat-syarat ini difahami dengan sebaiknya, mereka disyaratkan beragama Islam.<sup>79</sup>

*Majma' al-Buhūth al-Islāmiyyah* di Kaherah ditubuhkan mengikut peraturan 103 pada tahun 1961M bersamaan 1381H bagi menggantikan tempat *Jamā'ah Kibār al-'Ulamā'*. Ini dilakukan bagi memenuhi tuntutan keaktifan yang lebih serta menyesuaikannya dengan perkembangan semasa sama ada dari segi pemikiran serta kebudayaan yang banyak mempengaruhi peranan pertubuhan dalam menjalankan kegiatan-kegiatannya.<sup>80</sup>

Bagi memastikan ijтиhad *jamā'ī* dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya, *majma'* ini akan dianggotai oleh tidak lebih 50 orang *fuqahā'* yang terkemuka yang mewakili semua mazhab di dalam Islam. Daripada jumlah ini pula, tidak lebih daripada 20 orang anggotanya mestilah bukan warganegara Mesir. Manakala tidak

<sup>79</sup> Hasan Muhammad Marzūqī (1997), *op.cit.*

<sup>80</sup> 'Abd al-Fattāḥ Barakah (1997), "Majma' al-Buhūth al-Islāmiyyah Unmuzaj li al-Ijtihād al-Jamā'ī Fī Misr", dalam Majalah *Manār al-Islām*, bil. 11, Kaherah : Mu'assasah al-Ahrām, h. 49.

tahun, atau menceburkan diri dalam tugas kehakiman atau fatwa dalam tempoh yang sama.<sup>82</sup>

*Majma'* ini akan dipengerusikan oleh seorang Syaykh al-Azhār<sup>83</sup> yang akan menjalankan ijтиhad *jamā'ī* bersama-sama dengan anggota yang lain dalam pelbagai perkara seperti :

- i- Menyelidik secara mendalam dan menyeluruh dalam pelbagai bidang pengajian Islam.
- ii- Menggerakkan pembaharuan di dalam kebudayaan Islam dengan membersihkannya daripada perkara-perkara asing serta menggantikannya dengan nilai Islam sebenar.
- iii- Memperluaskan medan ilmu dan kebudayaan Islam agar merangkumi setiap lapisan dan persekitaran masyarakat.
- iv- Mengemaskini perbendaharaan-perbendaharaan Islam dan menyebarkannya.
- v- Mengeluarkan pendapat bagi perkara baru yang berkaitan dengan mazhab-mazhab Islam, kemasyarakatan dan ekonomi.
- vi- Memikul tanggungjawab dalam mengajak manusia kepada Allah dengan cara bijaksana dan peringatan yang baik.
- vii- Memantau setiap penerbitan yang berkaitan dengan Islam dan perbendaharaan Islam seperti kajian-kajian dan pengajaran-pengajaran, samada di dalam negara maupun di luar, agar setiap

<sup>82</sup> Sya'bān Muḥammad Ismā'īl (1998), *ibid.*

<sup>83</sup> *Ibid.*

- pandangan yang bernaik dapat di ambil faedah bersama, manakala pandangan yang salah pula dapat diperbetulkan.
- viii- Menggariskan sistem bagi menghantar wakil al-Azhār ke seluruh dunia dan menerima wakil luar ke al-Azhār.<sup>84</sup>

Beberapa isu pernah dibincangkan melalui ijtihad *jamā'ī* anggota-anggota *majma'* ini seperti isu kewangan, pelaburan harta, riba, insurans, poligami, perceraian, rancang keluarga dan lain-lain lagi. Hasilnya beberapa ketetapan berkaitan dengan isu-isu ini yang berasaskan kepada kehendak syariat Islam telah dikeluarkan.<sup>85</sup>

Manakala *al-Majma'* *al-Fiqh al-Islāmī* di Mekah ditubuhkan oleh *Rābiṭah al-'Ālam al-Islāmī* pada bulan Zulkaedah tahun 1393H. Badan ini dianggotai oleh seorang pengurus, seorang naibnya dan dua puluh orang anggota yang lain. Mereka ini adalah terdiri daripada para ulama yang berpengetahuan tinggi serta dari kalangan yang terkenal dengan ketaqwaan yang tinggi. Badan ini akan mengadakan ijtihad *jamā'ī* mereka pada setiap tahun bagi membincangkan perkara-perkara yang mempunyai kepentingan yang besar dalam kehidupan manusia.<sup>86</sup>

Ijtihad *jamā'ī* anggota-anggota *majma'* ini antara lain bertujuan untuk menghidupkan dan menyebarkan perbendaharaan *fiqh* serta menonjolkan kecemerlangan hukum Islam ke atas undang-undang ciptaan manusia di seluruh

<sup>84</sup> 'Abd al-Fattāḥ Barakah (1997), *op.cit.*, h. 49.

<sup>85</sup> *Ibid*, h. 52-54; Sya'bān Muḥammad Ismā'īl (1998), *op.cit.* h. 152-173.

<sup>86</sup> 'Abd al-Majīd al-Sūsawī, *op.cit*; Sya'bān Muḥammad Ismā'īl (1998), *op.cit.*, h. 175.

dunia. Ia juga bertujuan untuk mengkaji permasalahan-permasalahan baru yang dihadapi oleh dunia Islam dan menjelaskannya berdasarkan al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan *qiyās*.<sup>87</sup>

Semenjak dari tarikh penubuhannya hingga ke hari ini, *majma'* ini telah beberapa kali mengadakan ijtihad *jamā'ī* mereka bagi memberi jawapan yang berlandaskan syariat Islam terhadap isu-isu tertentu yang menyentuh kepentingan umum umat Islam. Antara isu yang pernah dibincangkan seperti isu derma organ, derma kornea mata, bedah siasat mayat, tukar jantina, isu perbezaan pendapat dalam masalah *fiqh* dan isu fanatik mazhab.<sup>88</sup>

*Majma' Fiqh al-Islāmī* di Jeddah pula ditubuhkan hasil daripada keputusan yang dikeluarkan di muktamar Islam yang diadakan di Mekah al-Mukarramah pada 19-22 Rabiulawwal 1401H bersamaan 25-28 Januari 1981M. Dari sinilah dikeluarkan ketetapan supaya ditubuhkan satu *majma'* *fiqh* Islam bagi menjalankan ijtihad *jamā'ī* yang akan dianggotai oleh ulama dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan, yang dipilih dari pelbagai negara.<sup>89</sup>

Dua matlamat utama penubuhan *majma'* ini ialah pertamanya untuk merealisasikan kesatuan umat Islam dari sudut teori dan praktikal terhadap cara hidup manusia, baik ke atas individu, masyarakat dan kerajaan agar selaras

<sup>87</sup> Jamāl al-Dīn Maḥmūd (1997), *al-Ijtihād al-Jamā'ī Fi al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah*, dalam Majalah *Manār al-Islām*, bil. 11, Kaherah : Mu'assasah al-Ahrām, h. 60.

<sup>88</sup> Bagi mengetahui keputusan bagi isu-isu tersebut lihat Sya'bān Muḥammad Ismā'īl (1998), *op.cit.*, h. 176-188.

<sup>89</sup> 'Abd al-Majīd al-Sūsawī, *op.cit.*; 'Umar Sulaymān al-Asyqar (1982), *Tarikh al-Fiqh al-Islāmī*, Kuwait : Maktabah al-Falāḥ, h. 214; Sya'bān Muḥammad Ismā'īl (1998), *ibid.*, h. 190.

dengan kehendak hukum syarak. Keduanya untuk mengukuhkan aqidah umat Islam dan mengkaji permasalahan hidup mereka hari ini dan seterusnya melakukan ijihad yang tepat bagi mengemukakan jalan penyelesaian yang berasaskan syariat Islam.<sup>90</sup>

Bagi merealisasikan matlamat tersebut beberapa pendekatan telah diambil seperti :

- i- mewujudkan satu lujnah yang khusus bagi mengadakan kamus istilah-istilah *fiqh* bagi memudahkan umat Islam mengetahui maknanya, baik dari sudut bahasa maupun istilahnya.
- ii- menulis semula kitab-kitab *fiqh* dalam bentuk yang lebih mudah untuk difahami oleh pelajar-pelajar dan pengkaji-pengkaji (bentuk ensiklopedia).
- iii- berkerja sama dengan *majma'-majma'* yang lain yang ada diseluruh dunia.
- iv- menggalakkan kajian-kajian *fiqh* dilakukan di universiti-universiti dan selainnya tentang cabaran masa kini dan isu-isu semasa yang berlaku.
- v- Menguatkuasakan *fiqh* Islam melalui lujnah-lujnah yang ditentukan.
- vi- Mewujudkan pusat-pusat kajian bagi pengajian-pengajian Islam di setengah pelusuk dunia.
- vii- Menyebarluaskan kajian-kajian yang dihasilkan oleh *majma'* ini melalui pelbagai cara.
- viii- Menghidupkan perbendaharaan *fiqh* Islam dan memberi perhatian juga kepada kitab-kitab *Uṣūl al-Fiqh* dan perbandingan mazhab.<sup>91</sup>

<sup>90</sup> 'Umar Sulaymān al-Asyqar (1982), *ibid.*, h. 215; Sya'bān Muḥammad Ismā'īl (1998), *ibid.*, h. 197-198.

<sup>91</sup> Sya'bān Muḥammad Ismā'īl (1998), *ibid.*, h. 198.

Antara isu-isu yang pernah dibincangkan oleh *majma'* ini ialah faedah pinjaman bank, ibu tumpang, jualbeli emas dan lain-lain lagi. Hasil daripada perbincangan anggota-anggotanya beberapa keputusan dikeluarkan terhadap isu-isu tersebut yang berasaskan kepada kehendak syariat Islam.<sup>92</sup>

Di dalam negara pula, terdapat dua institusi utama terlibat dengan aktiviti ini secara langsung iaitu :

- a- Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan
- b- Jawatankuasa Fatwa Negeri atau Jemaah Ulama Negeri

Persidangan Majlis Raja-Raja pada 1 Julai 1969 telah menubuhkan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia bagi menyelaraskan kerja, aktiviti dan pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam di Malaysia.<sup>93</sup> Daripada Majlis ini, lalu ditubuhkan pula pada awal tahun 1970, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan,<sup>94</sup> iaitu mengikut peruntukan perkara 11(a), Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, yang menyebut :

" 11. (a) *Maka hendaklah ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Fatwa.....*"<sup>95</sup>

Bagi menjayakan ijтиhad *jamā'ī* dengan sebaik-baiknya, jawatankuasa ini akan dianggotai oleh ahli-ahli berikut :

<sup>92</sup> *Ibid.*, h. 207-218.

<sup>93</sup> Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob (1998), "Perkembangan Institusi Mufti Di Malaysia", dalam *Mufti Dan Fatwa Di Negara-Negara Asean*, ed. Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid, Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 138.

<sup>94</sup> Abdul Hamid @ Yusof Bin Yunus (1991), *Ijtihad Dan Amalannya Dalam Pembinaan Fatwa Di Malaysia*, Tesis Sarjana untuk Universiti Malaya, h. 92, 93 dan 96.

<sup>95</sup> Peraturan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, seksyen 11 (a).

- i- Pengerusi Jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis dari antara ahli-ahlinya.
- ii- Mufti setiap negeri yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili negeri dalam Hal Ehwal Agama.
- iii- Lima orang Alim Ulama yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja.
- iv- Seorang ahli yang beragama Islam dari perkhidmatan kehakiman dan undang-undang atau profession undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja.<sup>96</sup>

Secara umumnya, ruang ijihad *jamā'īt* yang akan dijalankan oleh Jawatankuasa ini ditentukan dalam Peraturan Majlis sebagaimana berikut :

*“ 14.....Menimbang, memutus dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan Agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa itu hendaklah mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada Majlis yang akan menghantarkannya bersama dengan pengesyoran-pengesyorannya kepada Majlis Raja-Raja”.*<sup>97</sup>

Apabila terdapat perkara-perkara yang perlu diberi fatwa, pihak Majlis Raja-Raja akan mengemukakannya kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam. Selepas itu pihak Majlis Kebangsaan akan mengemukakan pula kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan untuk dibincang dan membuat keputusan fatwa melalui ijihad *jamā'īt* ahli-ahlinya.<sup>98</sup>

<sup>96</sup> *Ibid.*

<sup>97</sup> *Ibid.*, seksyen 14.

<sup>98</sup> Abdul Hamid @ Yusof Bin Yunus (1991), *op.cit.* h. 97.

Oleh kerana agak sedikit sekali perkara-perkara dikemukakan kepada Jawatankuasa, ini menyebabkan Jawatankuasa ini jarang sekali bersidang. Untuk menjayakan juga ijтиhad *jamā'ī* suatu amalan lain dilaksanakan iaitu mengadakan muzakarah ahli Jawatankuasa Fatwa. Muzakarah ini diadakan secara bergilir-gilir di negeri-negeri yang menjadi ahli<sup>99</sup> dan ianya tidak terikat dengan prosedur Jawatankuasa Fatwa.<sup>100</sup>

Anggota Jawatankuasa Muzakarah terdiri daripada Mufti dan lima orang yang dilantik (termasuk Pengerusi). Keputusan yang dicapai dalam muzakarah tidak bersifat mengikat negeri-negeri yang menjadi anggota. Lazimnya keputusan itu akan dibawa ke peringkat Jawatankuasa Syarak atau Perunding Hukum Syarak negeri untuk tindakan selanjutnya.<sup>101</sup>

Manakala di setiap negeri di Malaysia pula, mereka memperuntukkan penubuhan sebuah jawatankuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mengeluarkan sesuatu fatwa melalui ijтиhad *jamā'ī* ahli-ahlinya. Kedudukan ahli-ahli yang menganggotai jawatankuasa ini tidak seragam di antara sebuah negeri dengan negeri yang lain kerana kuasa untuk mentadbir hal ehwal agama Islam termasuk soal-soal fatwa adalah di bawah bidangkuasa kerajaan-kerajaan negeri.<sup>102</sup>

---

<sup>99</sup> *Ibid.*

<sup>100</sup> Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob (1998), *op.cit.* h. 139.

<sup>101</sup> *Ibid.*

<sup>102</sup> Suwaid Tapah (1993), "Undang-Undang Pentadbiran Fatwa Di Malaysia", dalam *Jurnal Syariah*, j. 1, bil. 2, Kuala Lumpur : Fakulti Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 348.

Terdapat berbagai-bagai nama diberikan kepada jawatankuasa ini. Namun fungsi atau matlamat penubuhannya adalah sama. Di Johor, jawantankuasa ini dikenali sebagai “Lujnah Fatwa” yang dianggotai oleh seorang Mufti sebagai pengurus dan tidak lebih dari empat orang yang menjadi ahli Majlis yang berkelayakan bagi mengeluarkan fatwa.<sup>103</sup>

Bagi negeri Selangor ia dikenali sebagai “Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak”. Jawatankuasa ini dianggotai oleh Mufti sebagai pengurus, timbalan Mufti, Penasihat Undang-Undang negeri, seorang pegawai dari Pejabat Agama Islam yang berpengalaman dalam hukum syarak yang dilantik oleh Majlis, tidak kurang daripada dua orang ahli Majlis dan tidak lebih daripada lima orang yang layak yang dilantik oleh Majlis.<sup>104</sup>

Di Terengganu ia disebut sebagai “Jawatankuasa Fatwa” yang terdiri daripada Mufti dan tidak lebih daripada tiga orang ulama dari kalangan ahli-ahli Majlis serta tidak kurang dari empat orang yang layak dan munasabah samada mereka itu ahli Majlis atau tidak.<sup>105</sup> Nama yang sama juga disebut di Kedah dan Sarawak. Di Kedah ia dianggotai oleh seorang Pengerusi, dua orang ahli Majlis serta tidak kurang dari dua orang atau tidak lebih dari enam orang yang berkelayakan yang bukan ahli Majlis. Manakala di Sarawak pula jawatankuasa ini dianggotai oleh seorang Mufti, tidak lebih dari dua orang ahli yang menjadi anggota Majlis dan tidak lebih dari empat orang yang layak samada ahli Majlis atau tidak.<sup>106</sup>

---

<sup>103</sup> *Ibid.*

<sup>104</sup> Enakmen Pentadbiran Islam Negeri Selangor, bil. 2 tahun 1989, seksyen 34 (1) dan (2).

<sup>105</sup> Enakmen Pentadbiran Islam Negeri Terengganu, bil. 12 tahun 1986, seksyen 24 (1).

<sup>106</sup> Suwaid Tapah (1993), *op.cit.*

Bagi negeri Kelantan ia dikenali sebagai Jemaah Ulama. Ia dianggotai oleh Mufti, seorang Timbalan Mufti, tidak kurang daripada lapan, tetapi tidak lebih daripada lima belas orang ahli lain.<sup>107</sup>

Di Wilayah Persekutuan dan Sabah pula, mereka menamakannya sebagai “Jawatankuasa Undang-Undang Majlis”. Di Wilayah Persekutuan, jawatankuasa ini dianggotai oleh Mufti, tidak lebih dari dua orang yang menjadi ahli Majlis dan tidak lebih daripada dua orang lagi yang layak samada ahli Majlis ataupun tidak. Manakala di Sabah, jawatankuasa ini terdiri daripada Mufti, tidak kurang dari dua orang ahli Majlis dan tidak kurang dari empat orang lain yang layak samada terdiri daripada ahli Majlis atau tidak.<sup>108</sup>

Di negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Perak, Pulau Pinang dan Melaka, jawatankuasa ini dikenali sebagai “Jawatankuasa Syariah”. Di negeri Sembilan, ia dianggotai oleh Mufti, dua orang ahli Majlis yang dilantik oleh Majlis, seorang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam yang mahir dalam hukum syarak dan sekurang-kurangnya tiga orang tetapi tidak lebih dari lima orang yang dilantik oleh Majlis yang mahir dalam hukum syarak. Manakala di Pahang, jawatankuasa ini dianggotai oleh Mufti sebagai Pengurus, tidak lebih dari empat orang ulama yang menjadi ahli Majlis, dan tidak lebih dari empat orang ulama yang bukan ahli Majlis.<sup>109</sup>

---

<sup>107</sup> Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil 4 Tahun 1994, seksyen 33 (1) dan (2).

<sup>108</sup> Suwaid Tapah (1993), *op.cit.*

<sup>109</sup> *Ibid.*

Di Perlis, jawatankuasa ini dianggotai oleh seorang Mufti dan enam orang lain yang berpegang kepada mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, termasuk tidak lebih dari tiga orang ahli Majlis. Sementara di Perak, jawatankuasa ini dianggotai oleh Mufti sebagai Pengerusi, tidak lebih daripada empat ulama yang menjadi ahli Majlis dan tidak lebih daripada empat orang ulama yang berkelayakan yang bukan ahli Majlis. Manakala di Pulau Pinang, ia dianggotai oleh Mufti, dua orang anggota Majlis yang lain dan tidak lebih dari dua orang Islam bukan ahli Majlis yang mempunyai kelayakan. Sementara di Melaka, ia terdiri daripada Mufti sebagai Pengerusi, dua orang ahli Majlis yang dilantik oleh Majlis dan sekurang-kurangnya tiga orang, tetapi tidak lebih daripada lima orang yang terdiri daripada mereka yang mahir dalam hukum syarak.<sup>110</sup>

Dalam menjalankan ijтиhad *jamā'ah* untuk mengeluarkan fatwa-fatwa, semua jawatankuasa ini, kecuali Perlis, terikat dengan mazhab Syafi'i sebagai pendapat yang lazim diikuti. Sekiranya pendapat mazhab Syafi'i bertentangan dengan kepentingan awam, Mufti diberi kebenaran mengikuti mana-mana pendapat yang muktamad dari Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali. Sekiranya pendapat dari mana-mana mazhab itu berlawanan dengan kepentingan awam maka mufti bolehlah menggunakan ijтиhadnya sendiri tanpa terikat dengan mana-mana mazhab tersebut.<sup>111</sup>

Walaubagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan peraturan di negeri-negeri dalam mengambil pendapat-pendapat dari mazhab lain. Di Kedah, Pahang dan Perak,

<sup>110</sup> *Ibid.*

<sup>111</sup> *Ibid.*, h. 352.

sekiranya pendapat muktamad dari Mazhab Syafi'i itu bertentangan dengan kepentingan awam maka Jawatankuasa Fatwa boleh tanpa perkenan DYMM Sultan mengambil pendapat-pendapat Syafi'i yang lemah. Sekiranya pendapat Syafi'i yang lemah itu juga bertentangan dengan kepentingan awam maka Jawatankuasa hendaklah terlebih dahulu mendapat perkenan DYMM Sultan menggunakan pendapat Imam Hanafi, Maliki atau Hanbali yang sesuai dan perlu dijelaskan dengan lengkap.<sup>112</sup>

Manakala di Kelantan pula, sekiranya *qawl* muktamad dari mazhab Syafi'i bertentangan dengan kepentingan awam, Jemaah Ulama dengan perkenan DYMM Sultan, boleh mengikut pendapat dari mana-mana Mazhab Islam yang muktabar, kecuali dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan akidah, maka pendapat *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* hendaklah diikuti.<sup>113</sup>

Bagi negeri Perlis pula, enakmennya hanya memperuntukkan rujukan kepada al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah SAW. Sekiranya pendapat-pendapat atau alasan itu berlawanan dengan faedah umum maka Majlis dan Jawatankuasa Syariah hendaklah mempersempitbahkan fatwa dan pendapat itu kepada Raja untuk mendapatkan keputusannya. Majlis juga hendaklah mengambil kira adat istiadat Melayu atau undang-undang istiadat Melayu yang terpakai di negeri ini.<sup>114</sup>

---

<sup>112</sup> *Ibid.*

<sup>113</sup> Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil 4 Tahun 1994, seksyen 37 (2).

<sup>114</sup> Suwaid Tapah (1993), *op.cit.*

Penelitian terhadap keterangan berkenaan dengan badan-badan yang menjalankan ijтиhad *jamā'ī* masa kini, menunjukkan ijтиhad *jamā'ī* boleh dilihat dalam dua bentuk iaitu ijтиhad *jamā'ī mu'lak* dan ijтиhad *jamā'ī madhhabi*.<sup>115</sup> Apa yang dapat difahami daripada istilah ijтиhad *jamā'ī mu'lak* ialah ijтиhad yang tidak terikat keputusannya dengan mana-mana mazhab. Ia biasanya dilakukan oleh sekumpulan *fuqahā'* yang terdiri dari pelbagai mazhab sebagaimana dilakukan oleh *majma'-majma' fiqh* yang telah disebutkan tadi.

Manakala ijтиhad *jamā'ī madhhabi* boleh difahami sebagai ijтиhad yang terikat keputusannya dengan mazhab tertentu sahaja seperti mana yang berlaku terhadap jawatankuasa-jawatankuasa fatwa di peringkat nasional kecuali di negeri Perlis. Perbincangan hukum di kalangan mereka lazimnya berkisar di sekitar mazhab mereka sahaja, tetapi adakalanya dengan sebab-sebab tertentu perbincangan mereka juga menyentuh mazhab-mazhab yang lain.

## 2.6 Pendekatan-Pendekatan Ijtihad *Jamā'ī*

Dalam menjalankan ijтиhad *jamā'ī* terdapat beberapa pendekatan yang boleh diambil oleh badan-badan tersebut bagi menghasilkan suatu keputusan yang paling tepat. Maksud pendekatan di sini bolehlah difahami sebagai bentuk-bentuk ijтиhad yang akan diamalkan semasa mengeluarkan hukum berdasarkan kepada isu-isu yang akan diijtihadkan. Setiap isu yang akan diijtihadkan berbeza keadaannya di antara satu sama lain yang akan menyebabkan berbezanya pendekatan yang akan diambil.

---

<sup>115</sup> Abd al-Fattah Barakah (1997), *op.cit.*, h. 51.

Antara pendekatan tersebut ialah pendekatan ijтиhad *tarjīḥī*. Pendekatan ini bermaksud memilih salah satu daripada pendapat-pendapat yang terdapat di dalam perbendaharaan *fiqh* yang telah dikemukakan sebagai fatwa atau keputusan hakim dengan menarjīḥkan satu pendapat daripada pendapat-pendapat yang lain.<sup>116</sup> Ijтиhad ini juga dipanggil ijтиhad *intiqā’ī*.<sup>117</sup>

Pendapat-pendapat tersebut termasuklah pendapat dari kalangan *fuqahā’* sahabat ataupun *tābi’īn* ataupun *fuqahā’* selepas daripada zaman mereka yang terdiri daripada imam-imam mazhab salaf.<sup>118</sup> Juga termasuk pendapat-pendapat di kalangan imam-imam mazhab empat, murid-murid mereka<sup>119</sup> dan para *fuqahā’* *mujtahidīn* yang lain.

Pada asasnya pentarjīhan pendapat tersebut boleh berlaku dalam dua keadaan. Pertama pentarjīhan terhadap pendapat yang berbeza yang pasti riwayatnya daripada mereka dan kedua pentarjīhan terhadap riwayat yang berbeza bagi sesuatu pendapat untuk memilih riwayat yang paling kuat.<sup>120</sup>

Bagi keadaan pertama pentarjīhan boleh dibuat dalam pelbagai keadaan seperti mentarjīḥkan salah satu daripada pendapat imam mazhab yang banyak, ataupun di antara pendapat imam mazhab dengan murid-muridnya atau dengan imam-imam

<sup>116</sup> Yūsuf al-Qarađāwī (1994), *op.cit.*, h. 20; ‘Abd al-Majīd al-Sūsawī, *op.cit.*, [http://www.islam.gov.qa/umaa/62/uma\\_62\\_ch4\\_2.htm](http://www.islam.gov.qa/umaa/62/uma_62_ch4_2.htm), 18 Rejab 1422H.

<sup>117</sup> Yūsuf al-Qarađāwī (1994), *ibid*; Wahbah al-Zuḥaylī (1997), *op. cit.*, h. 19.

<sup>118</sup> Yūsuf al-Qarađāwī (1994), *ibid.*, h. 23.

<sup>119</sup> Wahbah al-Zuḥaylī (1986), *op.cit.*, h. 1081.

<sup>120</sup> Badrān Abū al-‘Aynayn Badrān (t.t), *op.cit.*, h 97-98.

mazhab yang lain.<sup>121</sup> Pentarjīhan dalam keadaan ini hanya mampu dilakukan oleh *fuqahā'* yang memahami asas-asas *fiqh* imam-imam mazhab tersebut dan metod mereka dalam mengeluarkan hukum.<sup>122</sup> Pentarjīhan dibuat bagi memilih pendapat yang paling sesuai untuk diamalkan berdasarkan kepada neraca-neraca pentarjīhan yang akan disebutkan nanti.

Sebagai contoh pentarjīhan pendapat Imām al-Syāfi'i boleh berlaku di antara pendapat lama (*qawl qadīm*) dengan pendapat barunya (*qawl jadīd*). Walaupun pendapat baru Imām al-Syāfi'i yang menjadi pegangan *fuqaha'* Syāfi'iyyah, adakalanya pendapat lama lebih diterima oleh mereka untuk difatwakan sebagaimana yang diputuskan terhadap beberapa perkara dalam pendapat lama yang dianggap lebih *rajīh* berbanding dengan pendapat baru berdasarkan kepada sebab-sebab tertentu seperti kekuatan dalil dan sebagainya. Begitu juga dengan pendapat imam-imam mazhab yang lain seperti Imām Mālik, Imām Abū Ḥanīfah dan Imām Aḥmad.

Adakalanya terdapat banyak pendapat yang diriwayatkan daripada mereka dalam satu perkara tertentu.<sup>123</sup> Perbezaan riwayat ini berlaku mungkin disebabkan kesilapan sesetengah periyawat atau mungkin juga imam-imam tersebut tidak dapat memberi jawapan secara putus terhadap sesuatu perkara. Ada ketikanya mereka memberi pendapat tertentu tetapi kemudiannya mengubah pendapat tersebut kepada sebaliknya pada ketika yang lain. Ini menyebabkan setiap

<sup>121</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1986), *op.cit.*

<sup>122</sup> Badrān Abū al-'Aynayn Badrān (t.t), *op.cit.*, h 97.

<sup>123</sup> Muhammad Nūr al-Dīn Marbau Banjar al-Makkī (1998), *op.cit.*

pendapat mereka akan diriwayatkan oleh setiap periyat. Dalam hal ini, riwayat tertentu diutamakan daripada yang lain berdasarkan kepada periyatnya lebih dipercayai dan diyakini ketepatan riwayatnya berbanding dengan periyat-periyat lain.<sup>124</sup> Inilah yang dimaksudkan dengan keadaan yang kedua yang mana *pentarjihān* riwayat perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum dilakukan *pentarjihān* kepada pendapat-pendapat mereka.

Sebagai contoh, *fuqahā'* mazhab Hanafī mentarjihkan riwayat daripada Muḥammad ibn Ḥasan al-Syaybānī daripada yang lain. Manakala *fuqahā'* mazhab Mālikī pula mentarjihkan riwayat daripada Ibn al-Qāsim daripada Imām Mālik ke atas riwayat-riwayat yang lain. Sementara *fuqahā'* dalam mazhab Syāfi'ī pula mentarjihkan riwayat al-Rabī' al-Murādī daripada Imām al-Syāfi'ī.<sup>125</sup>

Walaubagaimanapun, apa yang penulis fokuskan di dalam disertasi ini ialah *pentarjihān* dalam keadaan yang pertama sahaja yang akan dilakukan dalam menghadapi permasalahan-permasalahan umat Islam hari ini. Manakala *pentarjihān* dalam keadaan yang kedua tidak perlu dilakukan lagi kerana ia telah dilakukan oleh *fuqahā'* yang terdahulu.

Dalam melakukan *pentarjihān* ke atas pendapat-pendapat yang terdapat di dalam perbendaharaan *fiqh*, beberapa perkara boleh dijadikan neraca pertimbangan supaya *pentarjihān* tersebut benar-benar menepati kehendak syarak. Perkara-perkara tersebut seperti kekuatan dalil, kesesuaian dengan realiti masyarakat hari

<sup>124</sup> Badrān Abū al-'Aynayn Badrān (t.t), *op.cit.*; Wahbah al-Zuhaylī (1986), *op.cit.*

<sup>125</sup> Badrān Abū al-'Aynayn Badrān (t.t), *ibid.*, 98.

Oleh sebab perlunya kepada neraca-neraca tersebut, ijтиhad *tarjīḥī* dilihat berbeza dengan *talfiq* kerana ijтиhad *tarjīḥī* dibuat melalui pemerhatian terhadap dalil-dalil, kesesuaianya dengan situasi semasa dan sebagainya, sementara *talfiq* pula merupakan suatu amalan yang berasaskan kepada pendekatan taklid kepada mazhab-mazhab<sup>130</sup> tanpa perlu meneliti kepada kekuatan dalil-dalil mereka serta kesesuaian pendapat-pendapat tersebut dengan keadaan semasa.

Oleh kerana itulah *talfiq* merupakan suatu amalan yang lebih sesuai bagi golongan awam yang tidak mempunyai kelayakan untuk menilai kekuatan dalil-dalil yang digunakan oleh mana-mana mazhab.<sup>131</sup> Ini berlainan dengan ijтиhad *tarjīḥī* yang hanya mampu dilakukan oleh para *fuqahā'* yang mempunyai kefahaman yang mendalam tentang pembinaan hukum dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Lebih jelas lagi aktiviti *talfiq* berlaku selepas seseorang itu mengajukan sesuatu persoalan hukum dalam pelbagai aspek kepada beberapa orang *fuqahā'*. Hasilnya, individu tersebut akan mengamalkan pelbagai pendapat *fuqahā'* dalam kehidupannya.<sup>132</sup> Berlainan dengan aktiviti ijтиhad *tarjīḥī* yang dikhususkan kepada para *fuqahā'* bagi menjawab persoalan-persoalan yang diajukan kepada mereka.

<sup>130</sup> Wahbah al-Zuhayli (1986), *op.cit.*, h. 1142.

<sup>131</sup> Muhammad al-Dasūqī (1987), *al-Ijtihād wa al-Taqlīd Fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, Doha : Dār al-Thaqāfah, h. 232.

<sup>132</sup> *Ibid.*, h. 232-233.

Begitu juga aktiviti *talfiq* tidak akan melibatkan suatu curahan tenaga yang besar daripada individu tersebut bahkan memadai dengan memilih mana-mana pendapat yang difikirkan sesuai walaupun tanpa mengetahu dalil-dalilnya. Hal ini samalah dengan apa yang disebutkan dengan *takhayyur al-madhāhib*.

Hal ini tidak berlaku di dalam ijтиhad *tarjīḥī* kerana ia akan melalui suatu proses pengorbanan dan curahan tenaga yang besar daripada *fuqahā'* dalam menentukan pendapat yang paling sesuai untuk *ditarjīḥkan* berdasarkan kepada neraca-neraca *pentarjīḥan* sebagaimana yang disebutkan tadi. Hal ini sudah tentu hanya dapat dilakukan oleh golongan yang mempunyai kelayakan sahaja.

Yūsuf al-Qarađawī, salah seorang sarjana Islam terkemuka masa kini, menyebut tiga faktor utama yang boleh menjadi pendorong bagi melaksanakan ijтиhad *tarjīḥī* dengan lebih aktif lagi pada masa kini. Faktor pertama yang disebut oleh beliau ialah perubahan-perubahan yang berlaku dalam sistem kemasyarakatan dan politik tempatan dan antarabangsa. Ini merupakan fakta yang tidak boleh dibantah oleh sesiapa pun. Perubahan-perubahan yang ketara telah berlaku dalam kehidupan manusia baik dari sudut kemasyarakatan, ekonomi, politik, dan kebudayaan. Hal ini akan memaksa seseorang *faqīh* itu untuk berpaling daripada sebahagian pendapat-pendapat *fuqahā'* silam yang dianggap tidak lagi sesuai dengan keadaan semasa yang baru dan membuat keputusan untuk memilih sebahagian pendapat-pendapat yang tidak pernah dipilih, bahkan boleh jadi ianya dianggap tidak kuat dan diabaikan.<sup>133</sup>

---

<sup>133</sup> Yūsuf al-Qarađawī (1994), *op.cit.*, h. 25-26.

Faktor yang kedua ialah berlakunya perkembangan ilmu pengetahuan dan ilmu-ilmu sains. Faktor ini menyebabkan *fiqahā'* masa kini dapat memperbetulkan kembali fakta-fakta lampau dalam perkara yang berkaitan dengan alam semulajadi, alam angkasa, kimia, perubatan dan sebagainya. Ilmu-ilmu yang berkenaan dengan perkara-perkara tersebut yang sentiasa berkembang dari masa ke semasa boleh dijadikan sebagai neraca bagi mengetahui fakta yang tepat dan seterusnya memilih pendapat tertentu sebagai pendapat yang lebih *rajiḥ*. Perkembangan ilmu-ilmu ini, memungkinkan seseorang *faqīh* masa kini menghukumkan pendapat-pendapat *fiqh* tertentu sebagai lemah dan sekaligus pendapat yang lain dianggap lebih tepat dan kuat. Hal sebegini tidak diketahui pada zaman sebelum ini<sup>134</sup>

Faktor yang ketiga pula ialah keperluan semasa yang sangat mendesak yang akan memaksa seseorang *faqīh* untuk mengambilkira situasi semasa, kemudahan, keringanan di dalam hukum-hukum cabang yang berbentuk praktikal, samada di dalam perkara-perkara ibadat maupun muamalat. Lebih-lebih lagi bagi individu yang berjihad dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan umum, menjadi tuntutan ke atasnya untuk mengambilkira keperluan semasa, keuzuran-keuzuran dan perkara-perkara yang dikecualikan. Ini sesuai dengan panduan yang diberi di dalam al-Quran dan Hadith Nabi SAW yang inginkan kemudahan dan menolak kerumitan ke atas umat Islam.<sup>135</sup>

<sup>134</sup> *Ibid.*, h. 29.

<sup>135</sup> *Ibid.*, h.32.

Faktor-faktor tersebut menjadikan sedikit kesukaran bagi seseorang *fuqih* masa kini untuk terus berpegang dengan satu mazhab tertentu sahaja. Oleh itu, dikira satu keperluan bagi melakukan satu pemerhatian yang teliti terhadap semua mazhab-mazhab dan pendapat-pendapat *fiqh* yang ada. Ini bagi membolehkan pendapat yang dipilih itu merupakan pendapat yang paling sesuai dengan situasi semasa demi merealisasikan kebaikan dalam kehidupan umat Islam serta menolak keburukan daripada mereka sekaligus menolak tuduhan-tuduhan yang tidak berasas terhadap agama Islam.<sup>136</sup>

Pendekatan ini seharusnya dilaksanakan melalui ijtihad *jamā'ī* kerana dibimbangi jika ia dilakukan secara individu boleh membawa kepada kesilapan dalam mentarjihkan sesuatu pendapat. Hal ini boleh berlaku akibat daripada cenderung kepada mazhab tertentu atau pandangan yang sempit terhadap sesuatu persoalan. Perkara ini jika berlaku bukan sahaja akan memberi kesan yang buruk kepada mujtahid itu sendiri bahkan kepada orang ramai. Oleh itu melalui ijtihad *jamā'ī*, pendapat-pendapat *fuqaha'* silam serta dalil-dalil mereka akan lebih banyak terkumpul yang menyebabkan pentarjihan akan dilakukan dengan lebih teliti.<sup>137</sup>

Satu lagi pendekatan ialah pendekatan ijtihad *insyā'ī* iaitu ijtihad dalam mengeluarkan hukum-hukum yang baru dalam sesuatu permasalahan yang belum pernah difatwakan oleh ulama terdahulu, samada permasalahan tersebut

<sup>136</sup> *Ibid.*, h. 29.

<sup>137</sup> 'Abd al-Majid al-Sūsawh, *op.cit.*, [http://www.islam.gov.qa/umaa/62/uma\\_62\\_ch4\\_2.htm](http://www.islam.gov.qa/umaa/62/uma_62_ch4_2.htm), 18 Rejab 1422H.

merupakan permasalahan yang sudah lama ataupun yang baru.<sup>138</sup> Pendekatan ini juga disebut sebagai *ijtihad tajdīdī*<sup>139</sup> atau *ijtihad fi al-mustajidat*.<sup>140</sup>

Pendekatan ini sangat-sangat diperlukan hari ini kerana berlaku perubahan yang ketara dalam kehidupan manusia berbanding dengan zaman sebelum terutama dalam urusan kehidupan manusia sesama manusia. Perubahan ini telah menyebabkan muncul secara berterusan perkara-perkara baru yang tidak pernah wujud sebelum ini. Hal ini sudah tentu memerlukan penjelasan syarak daripada ijihad para ulama kerana nas-nas syarak yang menjelaskan sesuatu perkara secara terperinci agak terbatas sedangkan perkara-perkara baru tersebut tidak terbatas bahkan sentiasa muncul dari masa ke semasa.<sup>141</sup>

Antara lapangan utama yang menjadi tumpuan pendekatan ijihad ini ialah lapangan ekonomi dan kewangan, sains dan perubatan, politik, peperangan dan lain-lain. Hal ini kerana lapangan-lapangan ini telah berlaku perubahan yang ketara dalam sistemnya akibat daripada perkembangan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya.<sup>142</sup>

Oleh sebab itulah ijihad *jamā'ī* diperlukan dalam lapangan ini kerana perkara-perkara baru tersebut meliputi pelbagai bidang ilmu. Oleh itu, bagi menghasilkan

<sup>138</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op.cit.*, h. 32.

<sup>139</sup> Wahbah al-Zuḥaylī (1997), *op.cit.*

<sup>140</sup> ‘Abd al-Majīd al-Sūsawī, *op.cit.*, [http://www.islam.gov.qa/umaa/62/uma\\_62\\_ch4\\_1.htm](http://www.islam.gov.qa/umaa/62/uma_62_ch4_1.htm), 18 Rejab 1422H.

<sup>141</sup> *Ibid.*

<sup>142</sup> *Ibid.* Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op.cit.*, h. 6-11.

ijtihad yang benar-benar lengkap dan tepat, ia sudah tentu perlu melibatkan sama pakar-pakar dalam bidang lain kerana ilmu-ilmu tersebut tidak mampu dikuasai oleh seorang individu sahaja terutamanya para *fuqahā'* yang terpaksa menumpukan kajian mereka dalam bidang syariah sahaja.<sup>143</sup>

Satu lagi pendekatan yang boleh diambil ialah pendekatan ijtihad di dalam perkara-perkara yang boleh berubah hukumnya. Terdapat beberapa hukum yang boleh berubah kerana berubahnya masa dan tempat. Hukum yang dimaksudkan ialah hukum-hukum yang berasaskan kepada *qiyās*, *maṣlaḥah* atau *'urf*, di mana perkara-perkara ini akan sentiasa berubah mengikut perubahan masa dan tempat.<sup>144</sup>

Dalam hal ini, para *fuqahā'* bertanggungjawab untuk mengkaji asas pembinaan kepada sesuatu hukum samada ianya dibina di atas asas-asas yang boleh berubah ataupun tidak. Sekiranya ia termasuk di dalam asas yang tidak boleh berubah, pada ketika itu ijtihad tidak diperlukan lagi, tetapi jika sebaliknya ijtihad diperlukan untuk menyesuaikan sesuatu hukum dengan perubahan masa dan tempat. Ini penting bagi merealisasikan kepentingan umat manusia dan bagi menghadapi perkembangan-perkembangan dan perubahan-perubahan dalam hidup mereka.<sup>145</sup>

<sup>143</sup> 'Abd al-Majid al-Sūsawī, *ibid.*

<sup>144</sup> *Ibid.*, [http://www.islam.gov.qa/uma/62/uma\\_62\\_ch4\\_3.htm](http://www.islam.gov.qa/uma/62/uma_62_ch4_3.htm), 18 Rejab 1422H.

<sup>145</sup> *Ibid.*

Pendekatan ini dianggap oleh sesetengah ulama sebagai suatu pendekatan yang perlu dilaksanakan dengan berhati-hati. Ini kerana pendekatan ini adakalanya akan diambil kesempatan oleh golongan yang mengambil mudah dengan hukum syarak dengan menghalalkan perkara-perkara diharamkan oleh syarak. Bagi menghalang perkara ini daripada berlaku, pendekatan ini hendaklah dilakukan melalui ijtihad *jamā'ī* agar setiap anggota benar-benar berijtihad dengan sebenarnya demi untuk merealisasikan objektif syarak dan kepentingan ramai seterusnya dapat mengelak daripada dilihat mempermainkan hukum syarak dengan hawa nafsu.<sup>146</sup>

Dalam menghadapi situasi tertentu masa kini, para *fuqahā'* perlulah melihat di antara ketiga-tiga pendekatan tersebut yang paling sesuai untuk diamalkan. Sesuatu permasalahan itu memerlukan pendekatan yang benar-benar tepat dengan keadaan sebenar permasalahan tersebut bagi menghasilkan suatu keputusan yang benar-benar tepat.

## 2.7 Ijtihad *Jamā'ī* Dan Kuasa Mengikat

Apabila sesuatu keputusan hukum dicapai melalui ijtihad *jamā'ī* maka hukum tersebut dikira sebagai mengikat orang ramai termasuk mujtahid itu sendiri. Hal ini berlaku jika keputusan tersebut dipersepakati oleh semua mujtahid. Dalam hal ini, *fuqahā'* mengatakan bahawa sekiranya keputusan yang dikeluarkan itu dipersepakati oleh semua mujtahid yang melaksanakan ijtihad *jamā'ī*, ijmak dikira telah berlaku daripada mujtahid masa kini. Keputusan tersebut merupakan suatu keputusan fatwa atau perundangan yang mempunyai kuasa mengikat.<sup>147</sup>

---

<sup>146</sup> *Ibid.*

<sup>147</sup> Yūsuf al-Qarađāwī (1994), *op.cit.*, h. 98.

Persoalan yang harus juga dilihat ialah apakah hukum tersebut dikira mengikat jika keputusan yang dikeluarkan dipersepakati oleh kebanyakan mujtahid. Terdapat perbezaan pendapat di kalangan *uṣūliyyūn* dalam meletakan kedudukan keputusan tersebut di mana majoriti ulama berpendapat keputusan kebanyakan mujtahid tidak mencapai taraf ijmak, kerana ijmak ialah persefakatan semua mujtahid. Sebahagian yang lain pula berpendapat keputusan kebanyakan mujtahid dikira sebagai ijmak kerana ijmak juga boleh berlaku melalui keputusan kebanyakan mujtahid walaupun terdapat seorang dan dua orang yang menyalahi pendapat tersebut. Pendapat ini diterima oleh Abū Ḥusayn al-Khayyāt daripada golongan Muktazilah, al-Imām Ibn Jarīr al-Ṭabarī dan al-Imām Abū Bakr al-Rāzī.<sup>148</sup>

Majoriti ulama berpendapat bahawa dalil-dalil ijmak yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah menunjukkan ia bersifat mengikat dan mengawal umat Islam daripada kesalahan. Antaranya sebagaimana disebut dalam satu hadith Nabi SAW maksudnya “Umat aku tidak akan mencapai kata sepakat di atas jalan kesesatan”.<sup>149</sup> Perkataan umat di dalam hadith ini boleh diandaikan kepada dua maksud iaitu semua umat Islam dan kebanyakan mereka. Walaubagaimanapun, mengandaikan umat dengan maksud semua umat Islam dikira lebih *rajiḥ* kerana maksudnya lebih menyeluruh dalam mengamalkan perintah Nabi SAW. Lebih-lebih lagi memakai maksud yang lebih menyeluruh dalam keadaan timbulnya pelbagai andaian dikira lebih utama daripada sebaliknya. Ketika itu barulah ijmak

<sup>148</sup> Wahbah al-Zuḥaylī (1986), *op.cit.*, j.1, h. 518.

<sup>149</sup> Al-Ḥāfiẓ Nūr al-Dīn ‘Alī bin Abī Bakr al-Haythamī (1994), *op.cit.*, Kitāb al-Khilāfah, Bāb Luzūm al-Jamā‘ah wa Tā’ah al-A’immah wa al-Nahy ‘An Qitālihim, no. hadith 9100.

dikira sebagai suatu perkara yang mempunyai kuasa mengikat yang bersifat *qaṭ'ī*.

150

Selain daripada itu majoriti ulama juga berdalilkan dengan *āthār* daripada sahabat yang menunjukkan persepakatan kebanyakan mujtahid dari kalangan sahabat tidak mencapai taraf ijmak sebagaimana persepakatan kebanyakan sahabat pada awalnya tidak mahu memerangi golongan yang enggan membayar zakat yang tidak dipersetujui oleh Abū Bakr r.a.<sup>151</sup>

Sementara golongan yang berpendapat persepakatan kebanyakan mujtahid mencapai taraf ijmak, berdalilkan dengan beberapa hadith seperti “hendaklah kamu mengikut kumpulan yang besar”,<sup>152</sup> “hendaklah kamu bersama-sama jemaah”,<sup>153</sup> “tangan Allah di atas jemaah”<sup>154</sup> dan lain-lain lagi.<sup>155</sup> Bagi mereka dalil-dalil ini menghendaki kita mengikut kumpulan yang besar atau teramai dan meninggalkan kumpulan yang kecil. Ini menunjukkan persepakatan kebanyakan mujtahid mencapai taraf ijmak dan mempunyai kuasa mengikat.<sup>156</sup>

<sup>150</sup> Wahbah al-Zuḥaylī (1986), *op.cit*, h. 519.

<sup>151</sup> *Ibid.*

<sup>152</sup> Abū 'Abd Allāh Muḥammad Ibnu Yazīd al-Qazwīnī Ibnu Mājah (t.t), *Sunan Ibnu Mājah*, Kitāb al-Fitan, Bāb al-Sawwād al-A'zām, no. hadith 3950.

<sup>153</sup> Abū Bakr Muḥammad Ibnu 'Abd Allāh Ibnu al-'Arabī al-Mālikī (1997), *'Āridah al-Āhwazī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, Kitāb al-Fitan, Bāb Mā Jā'a Fī Luzūm al-Jamā'ah, no. hadith 2165.

<sup>154</sup> Al-Ḥāfiẓ Nūr al-Dīn 'Alī bin Abī Bakr al-Haythamī (1984), *op.cit*.

<sup>155</sup> Lihat hadith-hadith yang lain dalam Wahbah al-Zuḥaylī (1986), *op.cit*, h. 520.

<sup>156</sup> *Ibid.*

Dalam hal ini, pendapat pertama kelihatan lebih *rajiḥ* berdasarkan dalil-dalil yang telah dikemukakan oleh mereka sebagaimana yang telah ditarjihkan oleh al-Ghazālī di dalam kitabnya, kata beliau :

*"Pendapat yang muktamad ialah al-'iṣmah yang telah ditetapkan oleh syarak bagi umat Islam berlaku melalui persepakatan semua mereka. Oleh sebab itu, ini (pendapat kebanyakan ulama) tidak boleh dikira ijmak bahkan ianya merupakan perkara yang diperselisihkan sedangkan dalam hal ini Allah telah berfirman (maksudnya) : "Dan apa sahaja yang kamu perselisihkan dalam sesuatu perkara, maka keputusannya kembali kepada Allah"*<sup>157</sup>

Terjemahan Surah al-Syūrā (42) : 10

Pendapat ini disokong pula oleh Ibn al-Hajib, kata beliau :

*"Apabila terdapat beberapa ulama yang berlainan pendapat, ijmak yang bersifat qat'i tidak akan berlaku. Walaubagaimanapun secara zahirnya ianya merupakan hujjah kerana kemungkinan pendapat yang rajih itu menyebelahi golongan yang sedikit agak jauh."*<sup>158</sup>

Kesimpulannya, pendapat kebanyakan mujtahid tidak mencapai taraf ijmak yang bersifat *qat'i* yang haram menyalahinya. Orang ramai tidak terikat dengan keputusan yang dihasilkan oleh badan-badan yang menjalankan ijtihad *jamā'ī* selama mana tidak dikeluarkan arahan daripada pemerintah untuk dilaksanakannya. Begitu juga dengan anggota ijtihad *jamā'ī* itu sendiri, mereka dibenarkan mengikut apa yang diijtihadkan oleh mereka tanpa perlu bertaklid kepada mujtahid yang lain.

<sup>157</sup> Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī (t.t), *al-Muṣṭaṣfā min 'Ilm al-Uṣūl*, juz 1, Beirut : Dār Iḥyā' al-Thurāt al-'Arabī, h. 183.

<sup>158</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1986), *op.cit.*

## 2.8 Perbezaan Ijtihad *Jamā'ī* Dengan Ijmak

Sebagaimana diterangkan sebelum ini jika keputusan ijtihad *jamā'ī* dipersepakati oleh semua mujtahid, ijmak dikira telah berlaku daripada *fugahā'* masa kini. Walaubagaimanapun, kenyataan ini tidak bermakna ijtihad *jamā'ī* dan ijmak itu merupakan dua perkara yang sama. Ini kerana terdapat beberapa perkara yang membezakan di antara kedua-duanya seperti :

- i. Disyaratkan berlaku ijmak melalui persepakatan kesemua mujtahid dalam sesuatu hukum syarak yang menjadikannya mengikat serta bersifat *qaṭī* dan menjadi hujah bagi umat Islam., manakala ijtihad *jamā'ī* tidak disyaratkan begitu bahkan mencukupi dengan persepakatan kebanyakan mujtahid yang tidak menjadikannya terkawal serta tidak menjadikannya bersifat *qaṭī* dan tidak menjadi hujah kepada umat Islam.<sup>159</sup>
- ii. *Fugahā'* berselisih pendapat dalam menerima kemungkinan berlakunya ijmak dan pernahkah ianya berlaku. Sebahagiannya mengatakan ijmak hanya berlaku di kalangan sahabat sahaja. Manakala sebahagian yang lain pula menolak berlakunya ijmak pada mana-mana zaman. Adapun ijtihad *jamā'ī*, ianya merupakan perkara yang boleh berlaku pada mana-mana zaman. *Fugahā'* juga tidak berselisih pendapat dalam mengatakan bahawa ianya disyariatkan sebagaimana mereka tidak berselisih pendapat mengatakan ianya berkemungkinan berlaku dan telah berlaku dan mempunyai kepentingannya yang tersendiri.<sup>160</sup>

<sup>159</sup> Muhammad Kamāl al-Dīn Imām (1997), *op.cit.* h. 95.

<sup>160</sup> *Ibid.*, h. 94-95.

- iii. Ijmak tidak berlaku dalam keadaan terbatas kepada mazhab tertentu kerana ianya tidak berlaku melainkan dengan persepakatan semua mujtahid daripada semua mazhab. Manakala ijтиhad *jamā'ī* adakalanya berlaku dalam satu mazhab dan adakalanya berlaku melalui persepakatan para mujtahid daripada pelbagai mazhab.<sup>161</sup>
- iv. Ijmak tidak berlaku dalam keadaan berbilang dalam perkara yang sama pada masa yang sama, manakala ijтиhad *jamā'ī* boleh berbilang dalam perkara yang sama pada masa yang sama.<sup>162</sup>
- v. Ijmak berlaku hanya melalui persepakatan semua mujtahid dalam lapangan syariah sahaja. Ianya tidak melibatkan ilmuan-ilmuan yang lain dan ijmak tidak berlaku melalui persepakatan mereka. Manakala ijтиhad *jamā'ī*, ianya melibatkan para mujtahid dalam bidang Syariah serta pakar-pakar yang berkaitan dengan perkara yang diijihadkan.<sup>163</sup>
- vi. Ijmak bersifat umum untuk setiap masa dan tempat melainkan ianya berasaskan kepada *maṣlahah* yang boleh berubah. Manakala ijтиhad *jamā'ī* keadaannya tidak bersifat umum.<sup>164</sup>
- vii. Ijmak merupakan persepakatan semua mujtahid yang boleh terhasil melalui syura ataupun tidak, manakala ijтиhad *jamā'ī* pula merupakan persepakatan kebanyakan mujtahid atau semua mereka yang hanya berlaku secara syura.<sup>165</sup>

---

<sup>161</sup> *Ibid.*, h. 94.

<sup>162</sup> *Ibid.*

<sup>163</sup> *Ibid.*

<sup>164</sup> *Ibid.*

<sup>165</sup> 'Abd al-Majid al-Sūsawī, [http://www.islam.gov.qa/umaa/62/uma\\_62\\_ch1\\_1.htm](http://www.islam.gov.qa/umaa/62/uma_62_ch1_1.htm). 18 Rejab 1422H.

## 2.9 Prosedur Ijtihad *Jamā'ī*

Terdapat beberapa prosedur yang biasa diikuti dalam amalan ijtihad *jamā'ī*. Hendaklah urusan menentukan syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh *fugahā'* dan pemilihan mereka diserahkan kepada pemerintah umat Islam yang akan meneliti bahawa yang dipilih itu benar-benar menepati syarat-syarat kelayakan untuk berijtihad. Walaubagaimanapun hal ini terhenti kepada pandangan daripada ilmuwan-ilmuan dan setelah dibuat peninjauan dan penelitian. Bagi urusan pemilihan selepas daripada itu diserahkan pula kepada kumpulan mujtahid itu sendiri.<sup>166</sup>

Sebaik-baiknya para *fugahā'* dipilih dari setiap pelusuk negara umat Islam yang akan berkumpul dalam satu perjumpaan yang telah ditentukan tempat dan masanya bagi mereka memilih pendapat dan keputusan yang terbaik. Perjumpaan ini perlu bagi membentuk suatu perjumpaan ilmiah dalam melaksanakan ijtihad *jamā'ī* semasa.<sup>167</sup>

Hendaklah ada di samping para mujtahid sekumpulan penasihat dan pakar bagi setiap bidang untuk dirujuk kepada mereka dalam perkara yang berkaitan dengan bidang mereka ketika keadaan memerlukannya. Ini sesuai dengan firman Allah SWT maksudnya “maka bertanyalah kamu kepada yang mengerti sekiranya kamu tidak mengetahui”.

Terjemahan Surah al-Nahl (16) : 43

---

<sup>166</sup> Zakariyyā al-Barrī (1984), *al-Ijtihād Fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, dalam Himpunan Kajian-Kajian Yang DiKemukakan Di Muktamar Fiqh Islāmī, Di Universiti al-Imām Muḥammad bin Sa'ūd al-Islāmiyyah Di Riyāḍ Pada 1396H, Riyāḍ : Idārah al-Thaqāfah wa al-Nasyr bil Jāmi'ah, h. 254-255; Nādiyah Syarīf al-'Umarī (1985), *op.cit.* h. 369.

<sup>167</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op.cit.*

Sekiranya semua mujtahid mencapai kata sepakat dalam sesuatu permasalahan yang diijtihadkan, ijmak dikira telah berlaku daripada mujtahid semasa dan ianya merupakan suatu keputusan fatwa atau perundangan yang mempunyai kuasa mengikat. Namun sekiranya berlaku perselisihan pendapat, maka pendapat teramai akan diambil kira kerana ia lebih hampir kepada kebenaran.<sup>168</sup>

Pemerintah hendaklah mengeluarkan arahan supaya keputusan yang dikeluarkan itu dilaksanakan di dalam masyarakat umum agar ianya mengikat setiap individu. Ini sesuai dengan kaedah syarak yang menyebut bahawa keputusan pemerintah akan menyelesaikan perselisihan pendapat di kalangan *fuqahā'*.<sup>169</sup>

Oleh hal yang demikianlah ijтиhad *jamā'ī* sangat dianjurkan kerana ianya mempunyai kebaikan yang lebih banyak berbanding dengan ijтиhad secara individu.<sup>170</sup> Kebaikan-kebaikan ini kadang-kadang diperolehi oleh para *fuqahā'* itu sahaja, kadang-kadang kepada masyarakat umum dan kadang-kadang kepada semua pihak.

*Fuqahā'* menyatakan bahawa ijтиhad yang dihasilkan secara *jamā'ī* lebih tepat atau lebih hampir kepada kebenaran berbanding dengan ijтиhad secara individu walau setinggi mana sekalipun pengetahuannya.<sup>171</sup> Hal ini boleh berlaku melalui penggabungan pelbagai aliran pemikiran serta pertemuan secara ikhlas yang dapat

<sup>168</sup> *Ibid.*

<sup>169</sup> Zakariyyā al-Barrī (1984), *op.cit*; Nādiyah Syarīf al-'Umarī (1985), *op.cit*.

<sup>170</sup> Hādīf bin Jawān (1997), "al-Ijtihād al-Jamā'ī Ḥarūrah al-'Aṣr", dalam Majalah *Manār al-Islām*, bil. 11, Kaherah : Mu'assasah al-Ahrām, h. 39. Beliau merupakan Mudir di Universiti Emiriyah Arab Bersatu.

<sup>171</sup> Abd al-Nāṣir Tawfiq al-'Ajjār (1997), *op.cit*; Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op.cit*.

mengumpulkan pelbagai pendapat dan akhirnya dapat menghasilkan kesimpulan.<sup>172</sup> Adakalanya salah seorang daripada anggotanya memahami suatu sudut daripada apa yang diperbincangkan yang tidak diperhatikan oleh anggota yang lain. Adakalanya pula seorang anggota mengingati suatu perkara yang dilupai oleh anggota yang lain. Justeru itu, perbincangan ini dapat mencungkil dan mengetengahkan sesuatu yang tersembunyi dan rumit.<sup>173</sup> Dengan kata lain, kesilapan yang berlaku dalam membuat keputusan dapat dikurangkan.

Begitu juga, anggota-anggota ijтиhad *jamā'ī* dapat mempertingkatkan pengetahuan serta pemahaman dalam sesuatu perkara. Ini kerana setiap anggota terdedah kepada teguran dan nasihat daripada anggota yang lain sekiranya berlaku kesilapan. Selain itu, melalui ijтиhad *jamā'ī* dapat menyekat dan menutup ruang bagi golongan-golongan yang tidak berkelayakan daripada berijтиhad dan memberi fatwa terhadap orang ramai.<sup>174</sup> Ini kerana urusan untuk memilih anggota-anggota ijтиhad *jamā'ī* diserahkan kepada kuasa pemerintah umat Islam untuk memilih mereka yang benar-benar layak selepas menerima pandangan daripada golongan ilmuan.<sup>175</sup> Ini penting untuk mengelak masyarakat daripada menjadi keliru dengan ijтиhad-ijтиhad yang dikeluarkan secara individu. Sejarah telah mencatatkan bahawa antara sebab utama yang membawa kepada tiadanya kesatuan di dalam *fiqh islāmī* ialah ijтиhad secara individu.<sup>176</sup>

<sup>172</sup> Nādiyah Syarif al-'Umarī (1985), *op.cit.* h. 367.

<sup>173</sup> Yūsuf al-Qarađāwī (1994), *op.cit.*

<sup>174</sup> Jamāl al-Dīn Maḥmūd (1997), "al-Ijtihād al-Jamā'ī Fi al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah", dalam Majalah *Mañār al-Islām*, bil. 11, Kaherah : Mu'assasah al-Ahrām, h. 58.

<sup>175</sup> Zakariyyā al-Barrī (1984), *op.cit.*

<sup>176</sup> 'Abd al-Wahhāb Khallāf (1972), *Maṣādir al-Tasyrī' al-Islāmī Fī Mā Lā Naṣṣa Fīh*, Kuwait : Dār al-Qalam, h. 13.

Di samping itu ia juga dapat menonjolkan unsur-unsur kesatuan dan kepelbagaian dalam masyarakat Islam.<sup>177</sup> Ini dapat dilihat melalui pertemuan para *fugahā'* daripada pelbagai mazhab dari seluruh pelusuk dunia di satu pertemuan yang tertentu. Kepelbagaian pendapat yang dikemukakan oleh setiap anggota dalam perbincangan tersebut, akhirnya menuju kepada keputusan yang dipersepakati bersama.

Tambahan lagi ijтиhad *jamā'īt* memberi peluang yang secukupnya kepada anggota-anggotanya untuk mengemukakan pendapat masing-masing.<sup>178</sup> Ini menggambarkan kepada masyarakat umum bahawa Islam mengiktiraf kebebasan berfikir dan bersuara.<sup>179</sup> Islam meletakkan kedudukan yang tinggi kepada akal fikiran manusia untuk berfikir dalam perkara-perkara yang boleh membawa kebaikan kepada masyarakat umum.<sup>180</sup> Oleh itu, setiap anggota bebas mengemukakan pandangan masing-masing tanpa rasa takut kepada mana-mana pihak.

Selain itu, melalui ijтиhad *jamā'īt* segala kepayaan dan kerumitan semasa perbincangan akan terasa ringan hasil dari kerjasama semua anggota. Sikap berputus asa atau cepat mengalah mungkin tidak berlaku ketika mana mereka berhadapan dengan sesuatu permasalahan yang sukar dicari jawapannya.

<sup>177</sup> Muḥammad Kamāl al-Dīn Imām (1997), *op. cit.*

<sup>178</sup> Nādiyah Syarīf al-'Umarī (1985), *op.cit.*

<sup>179</sup> Muḥammad 'Abd Allāh al-Khaṭīb (1999), *op.cit.* h. 5.

<sup>180</sup> Muḥammad 'Abd al-Qādir Abū Fāris (1986), *op.cit.* h. 38.

Begitu juga setiap anggotanya akan sama-sama menanggung apa sahaja reaksi masyarakat umum terhadap keputusan yang dikeluarkan. Ia dapat mengurangkan tekanan ke atas mereka sekiranya keputusan yang dikeluarkan itu tidak disenangi oleh orang ramai, serta sama-sama berkongsi kegembiraan sekiranya keputusan yang dikeluarkan mendapat pujian dan memberi manfaat yang besar kepada masyarakat.<sup>181</sup>

Seterusnya ia menggambarkan sikap bertanggungjawab dan mengambil berat anggota-anggotanya terhadap kebaikan orangramai.<sup>182</sup> Setiap anggota akan berusaha untuk memberikan pandangan yang dirasakannya paling banyak memberi kebaikan kepada masyarakat umum. Hasil daripada itu pula, mereka tidak akan mengeluarkan pandangan yang dirasakan akan membawa kemudarat dan kesusahan kepada orangramai.

Begitu juga ia dapat menenangkan dan meyakinkan orangramai terhadap keputusan yang dikeluarkan. Ini kerana anggotanya terdiri daripada mereka yang benar-benar berkelayakan. Sekaligus akan mewujudkan perasaan hormat dan menghilangkan sebarang keraguan dan ketidakpercayaan orangramai terhadap institusi tersebut. Hasil daripada ini, ia akan menyatupadukan masyarakat umum.

Selain itu, ia juga dapat menonjolkan peribadi setiap anggota dari segi pemikiran, pandangan, kebaikan, keburukan dan sebagainya.<sup>183</sup> Setiap anggotanya akan

---

<sup>181</sup> *Ibid.* h. 35.

<sup>182</sup> Muhammad 'Abd Allāh al-Khaṭīb (1999), *op.cit.* h. 6.

<sup>183</sup> Muhammad 'Abd al-Qādir Abū Fāris (1986), *op.cit.* h. 31.

memberi pandangan berdasarkan pemikiran serta pemahaman masing-masing. Dari sini setiap anggota akan dapat mengenali peribadi anggota yang lain dengan lebih dekat lagi. Lebih penting dari itu, ia merupakan salah satu daripada perintah syarak yang akan dikira oleh Allah SWT sebagai amalan soleh dan diberi ganjaran pahala yang besar di akhirat nanti. Kebaikannya tidak terhenti di sini bahkan tidak mungkin dapat dihitung bilangannya.